

# Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 127 ● 6 - 12 OGOS 2021 ● PP19441/12/2018 (035014) SEBARAN UMUM

[www.wilayahku.com.my](http://www.wilayahku.com.my)

@ wilayahku.com.my

Wilayahku

@akhbarwilayahku

Wilayahku

WK TV

## Kes gejala serius tunjuk pengurangan - Tengku Zafrul

MELIHAT angka terkini jangkitan harian yang dilaporkan pada 5 Ogos, pastinya masyarakat berasa gerun dan takut kerana jumlah keseluruhan individu positif wabak COVID-19 sudah melebihi 20,500 kes.

Namun, selepas program vaksinasi penduduk dilaksanakan di seluruh negara, insiden kes bergejala serius bagi Kategori 4 dan 5 menunjukkan pengurangan.

Justeru, mengambil kira keadaan tersebut dan pencapaian terbaik di Wilayah Persekutuan Labuan serta Sarawak, Menteri Penyelaras Pelan Pemulihan Negara (PPN), Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz menyatakan, indikator baharu bagi peralihan akan mengambil kira kes bergejala serius.

"Kita akan menggunakan proksi kes kemasukan hospital baharu COVID-19

yang disesuaikan untuk Kategori 3, 4 dan 5.

"Walaubagaimanapun, indikator kadar vaksinasi serta kadar penggunaan ICU masih dikekalkan," katanya dalam Laporan Agensi Pelaksanaan Ekonomi Dan Koordinasi Strategik Nasional (LAKSANA) ke-64.

Tambah beliau, selepas negara



TENGKU ZAFRUL

mencapai kadar vaksinasi 40 peratus penduduk dewasa dan ke atas, bilangan kes baharu COVID-19 menjadi kurang relevan kerana kebanyakannya adalah kes yang tidak bergejala atau bergejala ringan (Kategori 1 dan 2), sekali gus mengurangkan beban terhadap infrastruktur kesihatan awam.

**BERITA LANJUT DI MUKA 2**

## Fasa 3: Labuan 'merdeka' awal



NAZWIN NAZRI

**P**ERALIHAN kepada Fasa 3 Pelan Pemulihan Negara (PPN) dalam tempoh Malaysia masih lagi bergelut dengan situasi getir peningkatan kes harian COVID-19, menjadikan Wilayah Persekutuan Labuan, Sarawak dan Perlis seolah-olah menyambut 'kemerdekaan' lebih awal.

Malah, sejak bulan Kebangsaan negara ini, kebebasan dalam menjalankan semua aktiviti ekonomi (kecuali aktiviti dalam senarai negatif seperti pub dan kelab malam), pembukaan pasar malam serta rentas daerah dan makan di restoran, umpama bantuan pernafasan kepada rakyat terlibat.

Bagi warga pulau bebas cukai itu juga, peralihan yang bermula 4 Ogos lalu membolehkan rakyat yang keadaan kewangannya hampir 'nazak' kembali sembah selepas seketika beberapa sektor ekonomi dibuka semula.

Ekoran pengumuman Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin tentang Fasa 2 PPN pada Rabu lalu, Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa manarik nafas lega dan mengucapkan syukur.

Menerusi ciapan di Twitter rasminya juga, beliau, berkata, lebih 80 peratus penduduk Labuan sudah menerima vaksin penuh selain kemudahan hospital juga sudah kembali seperti sebelumnya.

Beliau juga memaklumkan, pihaknya akan merancang pembukaan semula kegiatan ekonomi dan sosial rakyat mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

"Alhamdulillah, mulai lusa 4 Ogos, Wilayah Persekutuan Labuan terus bergerak ke Fasa 3 Pemulihan. Dengan lebih 80 peratus penduduk siap divaksin, kes rendah dan kemudahan hospital kini kembali lega, kita boleh merancang untuk membuka semula kegiatan ekonomi dan sosial rakyat dengan SOP yang bersesuaian. Insya-Allah," twitnya.

Terdahulu, peralihan tersebut dibuat selepas penelitian perkembangan semasa PPN yang dibentangkan Menteri Penyelarasnya, Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz.

Bagaimanapun, sektor pendidikan termasuk sekolah, institusi pengajian tinggi awam dan swasta, institusi latihan kemahiran dan institusi-institusi pendidikan lain di bawah Kementerian Pendidikan (KPM), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPPT) dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) serta agensi lain tertakluk kepada takwim KPM dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) serta penilaian risiko semasa Kementerian Kesihatan (KKM). **WK**

Kadar vaksinasi yang tinggi kurangkan insiden kes bergejala serius

# Kes gejala serius indikator baharu PPN

DARI MUKA DEPAN

**K**ES bergejala serius akan dijadikan sebagai indikator baharu bagi menentukan nilai ambang daripada Fasa 2 ke Fasa 3 peralihan Pelan Pemuliharaan Negara (PPN), kata Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz.

Menurut Menteri Penyelaras PPN itu, ia akan menggunakan proksi kes kemasukan hospital baharu COVID-19 yang disesuaikan untuk Kategori 3, 4 dan 5.

“Walau bagaimanapun, indikator kadar vaksinasi serta kadar penggunaan ICU masih dikenakan,” katanya dalam Laporan Agensi Pelaksanaan Ekonomi Dan Koordinasi Strategik Nasional (LAKSANA) ke-64.

Tengku Zafrul yang juga Menteri Kewangan berkata, berdasarkan data dan sains, kadar vaksinasi penduduk yang tinggi mengurangkan insiden kes berge-



KES gejala serius akan dijadikan indikator baharu bagi peralihan fasa.

jala serius.

Beliau menjelaskan, selepas negara mencapai kadar vaksinasi 40 peratus penduduk dewasa dan ke atas, bilangan kes baharu

COVID-19 menjadi kurang relevan kerana kebanyakannya adalah kes yang tidak bergejala atau bergejala ringan (Kategori 1 dan 2), sekali gus mengurangkan beban terhadap

infrastruktur kesihatan awam.

“Pemerhatian ini selaras bukan sahaja dengan pengalaman antarabangsa tetapi juga untuk Sarawak dan Labuan,” katanya.

Beliau berkata, situasi di Labuan adalah satu kejayaan memandangkan tidak lama dahulu, ia mengalami keadaan tenat dengan penularan tidak terkawal.

Namun, tegasnya, dengan langkah yang diambil terutama gerakan vaksinasi secara besar-besaran, kes COVID-19 baharu serta kes di ICU menurun dengan ketara.

“Situasinya sama seperti Sarawak tetapi lebih ke hadapan, dengan kadar vaksinasi sudah mencecah 80 peratus penduduk dewasanya. Kadar vaksinasi yang tinggi ini menyumbang kepada pengurangan pesakit dalam wad ICU sehingga ke tahap hanya 20 peratus.

“Selaras dengan pengalaman Sarawak, maka Labuan juga menunjukkan penurunan kes ba-

haru secara keseluruhan dan kejatuhan ketara kes di ICU yang sangat rendah seiring dengan peningkatan kadar vaksinasi penduduk,” katanya.

“Perlis sudah pun menepati semua nilai ambang sebelum ini untuk beralih ke Fasa 3, manakala Sarawak pula, kadar vaksinasi telah pun mencapai kadar 63.7 peratus penduduk dewasa, melepassi nilai ambang bagi Fasa 4 untuk indikator ini iaitu 60 peratus.

“Pengalaman Sarawak adalah dengan peningkatan vaksinasi, bilangan kes di ICU telah menurun dengan ketara bukan sahaja di bawah 50 peratus iaitu nilai ambang Fasa 3 tetapi ke tahap hanya 29 peratus.

“Walaupun jumlah kes COVID-19 di Sarawak melebihi 300 sehari tetapi bilangan kes setiap hari yang dikenal pasti Kategori 3, 4 dan 5 kurang daripada 10 kes atau dua peratus daripada kes yang dilaporkan,” katanya. **WK**

## Khidmat Vaksinasi Prihatin sedia lebih 2,000 dos sehari, penerima boleh walk-in

AZLAN ZAMBRY

**WILAYAH** Persekutuan Kuala Lumpur dilihat mampu mencapai sasaran 80 peratus imunisasi kelompok untuk golongan dewasa menjelang Oktober ini apabila inisiatif Khidmat Vaksinasi Prihatin meningkatkan kapasiti pemberian vaksin kepada lebih 2,000 dos sehari.

Pengurus Khidmat Vaksinasi Prihatin, Isabella Pek berkata, pihaknya telah melakukannya beberapa penambahbaikan bagi memastikan pelaksanaan program itu berjalan dengan lancar.

“Program vaksinasi di Rumah Prihatin bermula 15 Julai lalu adalah 600 dos sehari dan bermula 2 Ogos, ia meningkat sehingga lebih 2,000 dos sehari.

“Ekoran itu, kami menggandakan bilangan sukarelawan dan pegawai perubatan serta keperluan berkaitan logistik yang lain untuk mempercepatkan usaha vaksinasi warga kota,” katanya kepada *Wilayahku* pada Khamis.

Isabella berkata, penambahbaikan itu bermula dari peringkat pendaftaran sehingga selesai yang mana urusan bagi seorang penerima adalah kurang daripada satu jam.

Mengulas lanjut, dia memberitahu, untuk melicinkan lagi operasi vaksin, pihaknya telah mengatur laluan keluar dan masuk dengan menambah papan tanda untuk kemudahan penerima.

“Kami turut menyediakan penun-



PEMBERIAN vaksin ditingkatkan kepada 2,000 dos sehari bagi mencapai sasaran 80 peratus imuniti kelompok Kuala Lumpur.

ruk arah untuk membantu orang ramai kerana mereka yang datang untuk mendapatkan vaksin mempunyai perasaan gementar dan sukarelawan ini akan memantau keadaan mereka,” katanya.

Beliau berkata, setakat ini kaedah yang digunakan pihaknya dalam menguruskan penerima vaksin adalah melalui temu janji aplikasi MySejahtera dan juga sistem daftar terus (*walk-in*) di kaunter.

“Kami harus mendapatkan pendaftaran orang yang mahu mendapatkan vaksin dan perlu memperoleh senarai nama seminggu sebelum tarikh pembelian vaksin.

“Senarai itu kemudian diserahkan kepada Jabatan Kesihatan Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JKNWPKL) dan selepas itu mereka akan memuat naik ke aplikasi MySejahtera dan penerima akan menerima temujanji menerusi aplikasi tersebut.

“Sistem daftar terus (*walk-in*) adalah kaedah yang paling baik untuk memberikan vaksin kerana mereka tidak perlu menunggu lama selain dapat mempercepatkan lagi sasaran imuniti kelompok,” katanya.

Dalam pada itu, Isabella menyertai kepada semua pihak terutama dan pemimpin tempatan untuk mendaftar seramai mungkin warga kota untuk mendapatkan vaksin.

“Walaupun ketika ini kuota vaksin yang diperoleh lebih dari 2,000 dos sehari, namun setakat ini, paling tinggi dos yang dapat diberikan adalah sebanyak 1,566 pada 3 Ogos lalu.

“Semua pihak perlu bergandingan bahu terutama Ahli Parlimen dan Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (MPPWPKL) untuk menarik lebih ramai warga kota untuk menerima vaksin agar sasaran yang ditetapkan dapat dicapai,” katanya. **WK**

## PPV Bergerak MAIWP bantu percepat imuniti kelompok

**MAJLIS** Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) menyasarkan pemberian suntikan vaksin kepada 7,500 penerima menerusi pelancaran Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Bergeraknya, sehingga 12 September depan.

Pengerusinya, **Datuk Dr Mohd Daud Bakar** berkata, inisiatif itu bertujuan membantu usaha kerajaan mempercepatkan imuniti kelompok bagi mencegah penularan COVID-19, dengan sasaran utama golongan asnaf yang juga penerima bantuan Baitulmal MAIWP dan belum menerima tarikh janji temu di MySejahtera.

“Kami cuba untuk menjadi pemudah cara dan mendekatkan lagi proses vaksinasi dengan masyarakat sedekat yang mungkin, terutama mereka yang uzur dan tua.

“Ada dalam kalangan masyarakat kita yang rasa susah dan jauh (untuk terima vaksin), jadi bila ada tawaran yang dekat dengan tempat tinggal, mereka terpanggil untuk datang,” katanya pada Rabu.

Mohd Daud berka-

ta, PPV Bergerak itu akan beroperasi di empat lokasi di ibu kota yang juga berhampiran dengan kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR) iaitu di Dewan Serbaguna Bandar Tun Razak, Dewan Serbaguna Air Panas Setiawangsa, Dewan Serbaguna Taman Maluri dan Pusat Komuniti Sri Petaling.

Sementara itu, penerima vaksin **Ramli Darus**, 69, menzahirkan rasa syukur kerana menerima vaksin dengan mudah dan lancar tanpa perlu bergerak jauh.

“Alhamdulillah semuanya lancar, sekejap sahaja dah selesai urusan vaksin,” katanya.

Eksekutif insurans **Mohd Mahathir Ahmad Tajuddin**, 29, turut bersara lega kerana akhirnya menerima vaksin selepas terpaksa menolak tawaran sebelum ini kerana dijangkiti COVID-19.

“Sebenarnya saya sahaja yang dapat janji temu di MySejahtera, tapi dapat mesej boleh bawa tangguhan sekali, jadi saya bawa isteri untuk terima vaksin bersama,” katanya.

- BERNAMA

Kebanyakannya berada di sekitar ibu kota dan tiada dalam senarai rasmi

# PriVo: Keluarga daif tercicir dikesan

AZLAN ZAMBRY

**P**ROGRAM Jejak Prihatin di bawah RumahPrihatin@ GrandSeasons telah berjaya mengesas banyak keluarga miskin tegar sekitar ibu kota yang terkesan ekoran COVID-19.

Pengarah Eksekutif RUMAH PRIHATIN @ GrandSeasons, **Datuk Seri Dr Junaidy Abu Bakar** berkata, sejak ia ditubuhkan, pasukan Jejak Prihatin telah menziarahi hampir 3,800 buah rumah di sekitar Kuala Lumpur bagi melihat keadaan kehidupan warga Wilayah Persekutuan yang terjejas.

"Sejak pasukan ini digerakkan, kami banyak menemui kaum Cina, Melayu, India, warga emas, orang kelainan upaya (OKU) dan keluarga yang menderita sakit kritisik."

"Kita buat lawatan dan mengambil data-data keluarga tersebut dengan lebih terperinci dan sekiranya mempunyai apa-apa masalah, mereka boleh berhubung dengan



JUNAIDY

PriVo (Sukarelawan Prihatin)," katanya kepada Wilayahku selepas program Jejak Prihatin di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Perkasa, Jalan Cochrane di Kuala Lumpur pada Ahad.

Dalam program tersebut, Junaidy turut menghulurkan bantuan bakul makanan daripada Food Bank Rumah Prihatin serta mengagihkan Jalur Gemilang sumbangan Jabatan Penerangan Wilayah Persekutuan sempena sambutan Hari Kemerdekaan ke-64.

Hadir sama, Timbalan Pengarah Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Khairul Azmir Ahmad dan wakil Jabatan Penerangan.

Menurut Junaidy, sepanjang program ini berlangsung, pihaknya memperoleh banyak maklumat keluarga miskin tegar termasuk yang luar daripada senarai rasmi kerajaan.

"Sebenarnya kita ada kira-kira



SUKARELAWAN di bawah Program Jejak Prihatin yang turun padang menyerahkan bantuan kepada penerima B40 turut mengesas keluarga miskin tegar yang belum disenaraikan agensi kerajaan.

10,000 senarai nama daripada kategori B40 iaitu miskin dan miskin tegar dan untuk fasa pertama, kita telah pergi menjelajah dan menghulurkan bantuan kepada keluarga-keluarga tersebut.

"Sekiranya ada nama yang terkeluar daripada senarai, kita mengalaukan dan sekiranya mereka ini adalah OKU, berpenyakit

kronik, warga emas yang memerlukan bantuan kita akan memberikan bantuan walaupun nama mereka tidak tersenarai dalam penerima bantuan," katanya.

Dalam pada itu, Junaidy melahirkan harapan agar warga PPR dapat berganding bahu untuk menyemarakkan lagi sambutan Hari Kemerdekaan walaupun ter-

paksa menyambut di dalam Fasa Pertama Program Pemulihan Negara (PPN).

Sementara itu, Pengurus Persatuan Penduduk PPR Perkasa, **Mohd**

**Murad Mat Noor** berkata pihaknya menyambut baik pengajuran program Jejak Prihatin untuk menjadikan golongan miskin tegar di PPR.

"Kami amat berpuas hati dengan program ini kerana ia turut memberikan bantuan kepada penduduk yang terkesan dengan COVID-19 kerana penduduk disini terdiri daripada warga emas, golongan OKU dan tidak ketinggalan mereka yang menjadi miskin sekejap mata kerana diberhentikan kerja.

"Sebelum ini kita akan telah menyerahkan bantuan bakul makanan kepada 30 unit rumah dan hari terdapat tambahan lagi dan saya mengharapkan bantuan ini dapat dipanjangkan lagi," katanya. **WK**

# PUSARA: Sumbangan peralatan, kewangan diperlukan bagi mudahkan urusan

AZLAN ZAMBRY

**PUSAT Pengurusan Jenazah Sementara (PUSARA)** yang mengendalikan jenazah COVID-19 memerlukan sumbangan berbentuk peralatan pengurusan jenazah bagi melicinkan lagi operasi harian mereka.

Pengarah Operasi PUSARA, **Dr Ahmad Hafizam Hasmi** berkata, antara kelengkapan yang diperlukan adalah bekalan kain kapan dan troli untuk membawa jenazah.

"Walaupun kita tahu jenazah COVID-19 tidak dikaparkan, tetapi jenazah ini diletakkan di dalam beg-beg mayat dan ia kadangkala kotor atau koyak."

"Jadi apa yang kami lakukan adalah dengan membalut beg mayat itu dengan kain kapan supaya ia lebih cermat, teratur dan boleh diterima keluarga serta memberikan keselesaan kepada petugas sewaktu mengangkat jenazah dan juga ketika proses pengebumian di tanah perkuburan," katanya kepada Wilayahku pada Ahad.

Katanya, pihak PUSARA juga memerlukan lebih banyak troli mayat dan pada masa ini bekalannya sukar didapati daripada pihak pembekal.

"Ia disebabkan banyak tempat yang memerlukan troli tersebut. Jika ada dermawan yang boleh menyumbangkan



TROLI dan kain kapan antara yang diperlukan bagi pengurusan jenazah pada masa ini.

nya kepada kami, itu lebih bagus," katanya.

Ahmad Hafizam berkata, walaupun kebanyakannya kelengkapan dibekalkan kerajaan, namun bantuan daripada orang ramai amat digalakkan untuk bersama-sama berganding bahu dalam memerangi COVID-19.

"Kita tahu perlatan ini dibekalkan pihak kerajaan tetapi ada masanya kita berpendapat masyarakat juga boleh menyumbang dan membantu."

"Jadi jika ada orang perseorangan dan dermawan yang ingin menyumbang, mereka boleh menyerahkannya kepada



PUSARA dan sumbangan kain-kapan kapan itu boleh digunakan untuk pengurusan jenazah muslim," katanya.

Beliau berkata, pihaknya turut mengalaukan sumbangan untuk kebajikan dan kegunaan sukarelawan di PUSARA yang berbentuk dana kewangan serta makanan tambahan

"Petugas-petugas ini merupakan kakitangan kerajaan dan majoriti mereka juga adalah sukarelawan PRiVO yang terpaksa melakukan tugas berat serta berisiko."

"Mereka perlu mengendalikan jenazah atau mayat dari proses mengambil, mengangkat

dan mengalih jenazah daripada Bilik Mayat Hospital Kuala Lumpur (HKL) ke PUSARA.

"Semestinya memerlukan tenaga yang kuat dan ia dijalankan dengan memakai peralatan pelindungan diri (PPE) yang penuh dan bekerja sepanjang masa termasuklah dalam keadaan panas," katanya.

Justeru itu, katanya, kebajikan para petugas adalah sangat penting kerana kebanyakan sukarelawan di sini memberikan khidmat dan tenaga bakti secara rela hati serta beban kerja yang dipikul oleh sukarelawan ini ketika mengendalikan jenazah dan perlu setimpal dengan apa yang dicurahkan.

"Jika ada badan-badan yang boleh menyalurkan bantuan kewangan dan orang perseorangan yang boleh memberikan bantuan kewangan, maka kita boleh kumpulkan dana ini dan beri kepada setiap sukarelawan yang berkhidmat di PUSARA."

"Kita juga ingin mendapatkan pakaian yang bersesuaian untuk semua petugas agar mereka selesa sewaktu menjalankan operasi di sini," katanya.

Ujar Ahmad Hafizam, pihaknya turut memerlukan sumbangan makanan dan makanan tambahan seperti power bar atau air isotonik yang boleh memberikan kelegaan dan kesegaran kepada petugas di lapangan. **WK**

# Malaysia akan bangkitkan isu monopolii vaksin

**MENTERI Kanan Luar Negeri Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein** bakal mengetengahkan isu monopolii vaksin dan kepentingan pengagihan vaksin secara saksama pada mesyuarat pertama Forum Antarabangsa Kerjasama Vaksin Khamis.

Forum anjuran Kementerian Luar China secara dalam talian itu akan menumpukan kepada usaha peningkatan kapasiti pengeluaran vaksin dan kerjasama teknologi vaksin agar ia lebih mudah diperoleh pada harga berpatutan oleh negara-negara membangun, bagi memerangi pandemik COVID-19.

Menurut kenyataan Wisma Putra pada Khamis, Hishammuddin juga akan menyentuh mengenai keperluan segera untuk semua negara mendapat akses bagi perolehan vaksin kerana ia adalah kaedah terbaik menangani pandemik ini.

Forum itu dipengerusikan Penasihat Negara China Wang Yi dan satu kenyataan bersama akan dikeluarkan bagi memperkenan kesatuan serta komitmen teguh negara-negara peserta dalam memerangi pandemik COVID-19 melalui kerjasama vaksin antarabangsa.

Pada 18 November 2020, Malaysia dan China telah memeterai Perjanjian Kerjasama Pembangunan dan Akses Vaksin, membolehkan Malaysia membeli vaksin buatan China dan memulakan kolaborasi teknikal dalam teknologi pembangunan vaksin, terutamanya bagi aspek persijilan halal. **WK**

# Penyewa PPR/PA nikmati diskaun 50 peratus

AZLAN ZAMBRY

**S**ELARI dengan konsep Wilayah Persekutuan, Wilayah Prihatin yang diperkenalkan Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memberikan diskaun sebanyak 50 peratus kepada penyewa-penyewa premis miliknya.

Pengarah Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar, Ismadi Sakirin berkata, tawaran diskaun tersebut merupakan kesinambungan dari pada Inisiatif Wilayah Cakna 1.0 yang diberikan pada tahun 2020.

"Ia sedikit berbeza berbanding IWC 1.0 kerana pada tahun ini DBKL memberikan diskaun sebanyak 50 peratus untuk semua penyewa Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) yang melibatkan kira-kira 38,124 akaun bernilai kira-kira RM 16.58 juta.

"Selain daripada penyewa PPR, diskaun ini tidak tertakluk kepada unit-unit kedai dan gerai di PA/PPR serta unit-unit PPR dan PA yang disewa oleh pihak pemaju, institusi,



DBKL memberikan diskaun sebanyak 50 peratus kepada penyewa-penyewa premis miliknya yang merupakan kesinambungan IWC 1.0.



ISMADI

dan badan kerajaan (NGO)," katanya kepada Wilayahku pada Rabu.

Menurut Ismadi, diskaun tersebut akan diberi bermula Jun 2021 sehingga Disember 2021 sahaja dan

akan diselaraskan secara terus atau automatik ke dalam akaun penyewa tanpa perlu membuat sebarang permohonan.

"Penyewa tidak perlu membawa bil baru (selepas diskaun) untuk membuat bayaran sewa sebaliknya kaunter bayaran boleh menggunakan pakai bil sedia ada dan boleh menerima bayaran selepas diskaun."

Kata Ismadi lagi, penyewa tidak boleh menuntut bayaran

diskaun sekiranya telah membuat bayaran bulanan dari Jun hingga Disember dan ia tidak akan menjadi bayaran utiliti.

"Diskaun sewa 50 peratus yang diberikan akan menjadi lebihan dalam akaun dan dijadikan bayaran untuk bulan seterusnya."

"Lebihan bayaran sewa itu juga tidak boleh digunakan untuk bayaran tunggakan air sebaliknya ia akan dijadikan bayaran sewa untuk bulan seterusnya," katanya.

Tambahnya, diskaun itu masih akan diberikan sekiranya penyewa membuat bayaran penuh setahun dan ia akan menjadi baki lebihan dalam akaun penyewa untuk bulan seterusnya.

Kata Ismadi lagi, pihaknya juga memudahkan urusan

penyewa untuk membuat pembayaran ketika dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Pembayaran boleh dibuat secara online melalui aplikasi Jompay atau di Kaunter Hasil Menara DBKL 1 dan 3 dari hari Isnin hingga Jumaat dan waktu urusan dari pukul 8 pagi hingga 12 tengah hari dan orang ramai boleh merujuk laman rasmi Facebook DBKL bagi mendapatkan sebarang info terkini."

"Penyewa perlu bawa bersama salinan bil (sewaan) lama bagi tujuan rujukan kakitangan di kaunter," katanya.

Katanya, sekiranya penyewa mahu membuat semakan tunggakan sewa dalam tempoh PKP ini, mereka boleh menyemak melalui Whatsapp rasmi sewaan di talian 019-326 5332, Isnin – Jumaat, 8.00 Pagi – 4.00 Petang.

Ujarnya, bil sewaan yang dikeluarkan oleh DBKL adalah Bil Tahunan yang dikeluarkan sekali setahun pada bulan Januari dan akan dihantar melalui peti surat unit penyewa.

"Selain itu, bil tunggakan sebanyak empat kali setahun iaitu pada bulan Januari, April, Julai dan Oktober.

"Notis peringatan juga dikeluarkan sebanyak empat kali setahun iaitu pada Mac, Mei, Ogos dan November," katanya.

WK

## CERITA KEDAI KOPI

### Tahniah Labuan muncul juara

TAHNIAH kepada Wilayah Persekutuan Labuan kerana menjadi juara mencapai sasaran imuniti kelompok (*herd community*) dengan 80 peratus penduduk dewasa menerima suntikan lengkap dua dos vaksin COVID-19.

Sejumrah 54,800 daripada 68,500 penduduk dewasa di Labuan telah menerima dua dos suntikan berkenaan melalui Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK). Bakinya sedang menunggu giliran.

Ini bererti Labuan menjadi wilayah pertama mencapai sasaran imuniti kelompok, mendahului Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Malah mendahului negeri-negeri lain di Malaysia.

Kejayaan ini juga mencerahkan sasaran seluruh Wilayah Persekutuan akan mencapai imuniti kelompok bulan ini dengan 80 peratus penduduk disuntik seperti digariskan oleh Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa.

Sasaran ini untuk membolehkan Kuala Lumpur khususnya, yang menjadi pusat nadi ekonomi negara, kembali 'hidup' setelah sekian lama agak suram akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 1 Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Dalam usaha melengkapkan proses vaksinasi bagi mereka yang telah mendapat dos pertama dan menunggu dos kedua, usaha dibuat untuk mempercepatkan proses tersebut. Antara langkah diambil ialah menjalankan vaksinasi dari rumah ke rumah bagi golongan kurang upaya (OKU) dan golongan berisiko.

Selain itu mengadakan vaksinasi secara pandu lalu dan walk in yang diselaraskan oleh Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) yang menyaksikan ramai penduduk daripada kawasan perkampungan memperoleh suntikan.

Walaupun sebelum ini kes jangkitan COVID-19 di Labuan meningkat, khususnya akibat serangan varian Delta, langkah pencegahan melalui perancangan teliti Annuar Musa berjaya mengatasi masalah tersebut.

Namun sekalipun sudah mencapai imuniti kelompok, bukan bermakna warga Labuan kini bebas merdeka daripada ancaman COVID-19. Dos kedua bukan lesen besar kerana sudah ada kes jangkitan berlaku selepas menerima dos kedua.

Kerana itu sementara suntikan vaksin menjadi pelindung, sentiasa berwaspada dan terus patuhi prosedur operasi standard (SOP). Inilah langkah terbaik mengelakkan dan melawan jangkitan COVID-19 sehingga Malaysia diisyitihara bebas sepenuhnya daripada ancaman COVID-19.

### Selamat Pengantin Baharu

PASTI ramai warga Wilayah Persekutuan yang ingin bernikah masih belum berpeluang berbuat demikian kerana peraturan yang agak ketat berikut pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dalam Fasa 1 Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Kini demi kemudahan orang ramai, terutama yang sudah lama menunggu, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) memperluaskan kemudahan Majlis Akad Nikah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan berkuatkuasa 1 Ogos lalu.

Namun ada beberapa peraturan perlu dipatuhi. Ia hanya dibenarkan kepada pasangan yang telah mendapat kebenaran berkahwin daripada JAWI sahaja. Tiada kebenaran, tiada pernikahan.

Majlis pernikahan pula tidak boleh diadakan di sebarang tempat, melainkan tempat yang ditetapkan iaitu di JAWI Kuala Lumpur serta Cawangan di Putrajaya dan Labuan. Selain itu di masjid-masjid kariah yang terpilih dalam Wilayah Persekutuan saha.

Jangan lupa untuk membuat temu janji pernikahan dengan pihak JAWI dan masjid-masjid yang terpilih bagi mendapatkan tarikh dan waktu temu janji akad nikah.

Ambil ingatan kehadiran bagi majlis pernikahan adalah terhad kepada tiga orang sahaja, iaitu pengantin lelaki, pengantin perempuan dan wali. Jurunikah dan saksi adalah daripada pihak JAWI atau masjid berkenaan.

Pasangan dan wali juga dikehendaki menjalani ujian swab terlebih dahulu dan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan pengurusan tertinggi JAWI dari masa ke semasa.

Mungkin ada juga yang masih tetap menunggu sehingga suatu ketika di mana kelonggaran lebih luas diberi dan pasangan boleh bernikah dan mengadakan majlis perkahwinan dengan menjemput ramai tetamu.

Jika begitu harapannya, kenalah sabar menunggu kerana entah bila majlis sedemikian akan dibenarkan kembali. Kepada yang telah bernikah atau bakal bernikah, Selamat Pengantin Baharu.

## DBKL tutup premis niaga warga asing

**D**EWN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menutup empat premis perniagaan dikendalikan warga asing yang melanggar peraturan Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Penutupan premis itu dilaksanakan mengikut Seksyen 101(1)(v) Akta Kerajaan Tempatan 1976 membabitkan kedai runcit atau serbaneka yang dijalankan warga asing.

"Operasi itu dijalankan di Jalan Jejaka 7, Jalan Jejaka 9, Jalan Perkasa 1 dan Jalan Mahkota, Taman Maluri, Cheras.

"Seramai 21 anggota Jabatan Pengukuhan dan Pejabat Cawangan Titiwangsa terbabit dalam operasi penutupan premis di kawasan dalam



PENGUAT kuasa DBKL ketika operasi penutupan premis yang dikendalikan oleh warga asing di Taman Maluri, Cheras baru-baru ini.

Parlimen Titiwangsa itu.

"DBKL turut menyita barang perniagaan di premis terbabit dan dibawa ke Stor Rampasan DBKL di Jalan Prima Setapak 2 dan Jalan 14/27B, Desa Setapak, Wangsa Maju," katanya.

Katanya, tindakan terhadap aktiviti perniagaan warga asing ini akan diteruskan DBKL dari semasa ke semasa mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan.

"Warga kota disarankan terus memberikan kerjasama dengan menyalurkan maklumat mengenai aktiviti ini pada laman sesawang adu@kl.dbkl.gov.my," katanya.

Sementara itu, di Wangsa Maju, DBKL mengambil tinjakan terhadap 10 pemilik gerai termasuk tiga daripadan dikendalikan warga asing.

"Sebanyak 10 premis penjaja dikenakan tindakan penguatkuasaan oleh DBKL malam tadi kerana melanggar peraturan.

"Tindakan sitaan dan membuka struktur dilaksanakan 14 anggota penguat kuasa DBKL di Jalan Prima Setapak 2 dan Jalan 14/27B, Desa Setapak, Wangsa Maju," katanya.

#### JURUFOTO & VIDEO

Mohd Nazirul Mohd Roselan  
nazirulwilayahku@gmail.com  
Mohd Aminullah Farid Hasan  
aminwkvt@gmail.com  
Azly Farid Ramly  
azlyfaridq@ayasanwp.org.my

Mohd Zuhairi Mazlan  
zuhairi@ayasanwp.org.my  
V Kumar Veeran  
veeran101@gmail.com

#### KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

Nur Fatihah Mohd Amir  
fatihah@ayasanwp.org.my  
Jumaitul Laili Zakiah Ismail  
jumaitul@ayasanwp.org.my  
Nurul Hazwani Haslan  
nhmm868@gmail.com

#### PELATIH INDUSTRI

Nur Sabrina Akmal Mohammad Sabre  
Nur Hazirah Mohamed Halim  
Diana Syuhada Mohd Amir  
Muhammad Adib Zailani

#### SIDANG REDAKSI

**PENGURUS BESAR**  
Azlan Abdul Aziz  
azlanaziz@ayasanwp.org.my

**PENGARANG KANAN**  
Helme Hanafi  
helme.hanafi@gmail.com

**PENOLONG PENGARANG**  
Nazwin Izan Ahmad Nazri  
winwilayahku@gmail.com

#### WARTAWAN KANAN

Azlan Zambry  
azlanwilayahku@gmail.com  
Aini Rosidah Ahmad Mawawi  
ainiwilayahku@gmail.com

#### WARTAWAN


Khairul Idin  
khairulwilayahku@gmail.com  
Wong Siew Mun  
wongsiew.mun@gmail.com  
Deel Anjer  
deelanjer@gmail.com

#### Syahidi Bakar

diwilayahku@gmail.com

#### GRAFIK & MULTIMEDIA


Rostam Afendi Ab Rashid  
lemandecapri@gmail.com  
Mohd Affandy Annar  
affandywilayahku@gmail.com  
Fauzi Taib  
adhamfaizi05@gmail.com  
Taufik Mohd Pauze  
kikkywilayahku@gmail.com



\*Sehingga 4 Ogos 2021

“Kita kekal fokus kepada agenda menyelamatkan rakyat, memerangi COVID-19 dan paling penting memulihkan ekonomi rakyat.,”

**TAN SRI TPr ANNUAR HJ MUSA**  
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN





DATUK DR BUDIMAN MOHD ZOHDI

**A**DA banyak faktor kenapa manusia dibelenggu kemiskinan dan faktor yang paling lazim ialah mereka berada di sebuah negara yang rendah produktiviti, sekali gus rendah KDNKnya dan tidak mampu menjana kekayaan untuk rakyatnya.

Dari situ ia akan mengakibatkan kadar pengangguran yang tinggi, tawaran gaji yang rendah dan mendorong kepada mobiliti sosial yang bersifat menurun (*downward*).

Kemiskinan juga sering berpunca daripada faktor-faktor alam; banjir besar, kemarau panjang, tanah yang tidak subur, wabak penyakit dan sebagainya.

Tidak sedikit pula kes-kes kemiskinan yang disebabkan oleh faktor manusia misalnya, persengketaan politik, perperangan, kelemahan tadbir urus pemerintah, korupsi, kleptokrasi, dan segala sesuatu yang lain, yang mempunyai kaitan dengan unsur nafsu-nafsi.

Punca-punca lain kemiskinan yang kerap kita dapat dengar ialah lahir dalam keluarga miskin, tidak berpelajaran, kurang kemahiran, sakit yang menghalang atau mengganggu pekerjaan, hilang pekerjaan atau sukar mendapat peluang kerja dan mempunyai tanggungan yang tidak seimbang dengan pendapatan.

Kesemua penyebab itu merupakan faktor-faktor luaran yang harus diakui sebagai tidak mudah untuk diatasi.

Ia bagaimanapun memberi peluang kepada mereka yang berada dalam belenggu kemiskinan itu menyelamatkan diri sendiri daripada dipersalahkan.

Dengan perkataan lain, mereka boleh menyalahkan pihak lain, sama ada kerajaan ataupun takdir.

Tetapi bagaimana dengan kemiskinan yang berpunca daripada diri sendiri?

Kes-kes begini sebenarnya tidak sedikit tetapi jarang dipedulikan. Sikap suka menyalahkan pihak lain menyebabkan golongan yang mencari pasal untuk menjadi miskin ini sering terlepas daripada ‘hukuman’.

Ia samalah seperti kisah penagih-penagih dadah yang sentiasa meletakkan kesalahan kepada masyarakat atas apa yang mereka lakukan.

**“Tidak ada orang yang mahu ke neraka tetapi tindak-tanduk kebanyakannya daripada mereka kerap kalinya mendekatkan mereka dengan tempat yang mereka enggan pergi itu.”**

Mereka menjustifikasi ketagihan mereka dengan menggambarkan seolah-olah masyarakatlah yang menyuruh mereka mengambil dadah sedangkan hakikatnya mereka mempunyai pilihan untuk menjadi penagih ataupun tidak.

Tidak ada orang yang mahu ke neraka tetapi tindak-tanduk kebanyakannya daripada mereka kerap kalinya mendekatkan mereka dengan tempat yang mereka enggan pergi itu.

Begitu jugalah dalam soal kemiskinan. Ramai di kalangan yang tidak mahu miskin itu secara sedar atau tidak melakukan perkara-perkara yang boleh menyebabkan mereka menjadi miskin.

Saya mengenali seseorang yang dilahirkan dengan sudu perak di mulut. Orang Selangor yang harta kekayaannya di Perak.

Dia anak lelaki tunggal yang mewarisi lebih 100 ekar tanah berupa kebun-kebun kelapa sawit dan beberapa lot kedai yang disewakan.

Tetapi tabiatnya yang suka berjoli dan gaya hidupnya yang flamboyan menyebabkan dia kehilangan segala-galanya, sama ada kerana dijual atau kerana dide long oleh pemutang.

Dia meninggal dunia beberapa tahun lalu di sebuah rumah kecil, yang dibina oleh bapanya untuk menempatkan pekerja. Rumah kecil dan tapak seluas setengah ekar itu sahajalah hartanya yang tinggal.

Itu salah satu contoh kemiskinan yang dicari sendiri.

Banyak contoh lain. Tidak sedikit artis, ahli sukan profesional, aktivis politik dan orang biasa yang pernah Allah berikan nikmat kesenangan mengakhiri hidup mereka dalam keadaan serba miskin.

Sebahagian kecil mungkin kerana faktor-faktor yang sukar dielak seperti sakit, kemalangan, ditipu dan sebagainya, tetapi sebahagian besar adalah angka perbuatan sendiri.

Ada orang mempunyai peluang untuk belajar, dikurniakan akal yang cerdas, tetapi memilih untuk berhenti sekolah di pertengahan



BOROS berbelanja antara salah satu punca kemiskinan yang ditempah.

jalan kerana menghambat keseronokan.

Yang berasib baik mungkin boleh meneruskan hidup seperti orang lain, tetapi jumlah mereka tidak ramai.

Yang ramai adalah yang melompat dari satu pekerjaan ke pekerjaan yang lain, menjadi batu bergolek yang tidak dapat mengumpulkan lumut, dan akhirnya perlahan-lahan menghampiri gerbang kemiskinan.

Tidak terjumliah banyaknya orang yang menjadi miskin kerana dada.

Demikian juga yang menjadi papa kerana judi. Jumlah kelompok ini akan menjadi lebih berganda jika dicampur dengan yang menjadi miskin kerana malas.

Sebahagian orang telah dibukakan pintu rezekinya. Ada peluang, ada kerja, ada gaji.

Tetapi dia sendiri tidak pernah menghargai peluang itu. Malas dan culas menjadi amalan harian.

Alasan dan helah bercampur-baur apabila gagal menunaikan tanggungjawab.

Akhirnya mungkin dibuang kerja, dan dengan rekod yang buruk berkemungkinan besar dia akan kekal berada dalam senarai penganggur atau pekerja yang upahnya tidak sepadan.

Satu laporan oleh Utusan Borneo pada 23 Julai 2017 menyebut boros merupakan punca utama majoriti pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) hidup dalam kemiskinan pada usia 61 tahun hingga 75 tahun.

Itu juga contoh miskin yang ditempah.

Saya pernah menulis di ruangan ini bahawa antara kaedah terbaik untuk membendung kemiskinan adalah dengan memberikan motivasi berterusan kepada mereka yang terkepung di

ponteng sekolah kerana di sekolah sahaja dia berpeluang mendapat makanan percuma dan tiada siapa pun di sekolahnya tahu bahawa dia budak gelandangan.

Terlalu banyak perkara yang berlaku sehingga menyebabkan McCormick tidak dapat menamatkan persekolahan dan tiga kali keluar masuk ke sekolah juvana bermasalah.

Tetapi semangatnya tidak pernah patah. Dia berusaha sehingga memiliki nama besar yang disegani dan dihormati di kalangan penulis dan penerbit di merata pelosok dunia.

Kunci kejayaannya cuma satu: “Saya berusaha dan berusaha kerana saya tidak mahu membiarkan diri saya menjadi mangsa!”

Kalaualah semua mereka yang miskin memiliki sikap yang sama kemiskinan bukan sahaja dapat dikekang tetapi dapat ditumpaskan.

Ada banyak contoh manusia hebat seperti McCormick di Malaysia. Mereka patut dibawa ke tengah untuk membimbing kalangan yang miskin itu.

Jangan tunggu mereka tawarkan diri, carilah mereka dan manfaatkanlah mereka. Ia lebih baik daripada mendengar sembang bolong orang-orang yang tidak pernah susah tetapi mahu mengajar orang susah cara menjadi senang.

**Nama kolumn 3M adalah singkatan kepada Melawan Maksud Miskin yang akan memfokuskan isu berkaitan kemiskinan**



#### MALAM TIDUR DAN MIMPI WILAYAHKU

Malamku wilayahku hadirmu mengajakku tidur hari-hari cerita tentang wilayah tidurku dalam tidur kau ukir mimpi artistik kadang pahit kadang manis

malamku wilayahku hadirmu mengundang mimpi sarkastik sesudah tidurku kau lenakan dendur dalam buaian rasa perlu bicara

malamku wilayahku hadirmu tetap sama seperti malam yang berlalu terdodoi tidurku hingga ke dini lantas mencanak seribu mimpi bombastik bercengkerama di wilayahku minda.

**Oui Bin Sal**  
Tanah Merah, Kelantan.

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR



**SERTAI SALURAN TELEGRAM**  
**Wilayah Ku**  
**UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!**



# Kuarantin kendiri di hotel mewah

**B**ERAKAT keprihatinan dan kegigihan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan menterinya, Tan Sri TPr Annuar Musa, warga Wilayah Persekutuan daripada golongan B40 yang perlu menjalani kuarantin kendiri akibat COVID-19, kini boleh berbuat demikian dalam bilik hotel mewah secara percuma.

Transformasi hotel mewah Grand Seasons di Jalan Pahang, Kuala Lumpur, menjadi hotel kebajikan dan pusat sehenti perlindungan serta rawatan Covid-19 mulai 15 Julai menjadi perintis.

Dikenali sebagai RumahPrihatin@GrandSeasons, ia menawarkan pelbagai khidmat berhubung penjagaan dan rawatan pesakit COVID-19 dengan fokus kepada golongan kurang mampu.

Seterusnya empat buah lagi hotel mewah di Kuala Lumpur dipilih sebagai Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah Swasta (PKRCS) mulai 26 Julai. Tumpuannya adalah penghuni Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA).

Hotel tersebut ialah Hotel Royal Chulan, Jalan Conlay; Pusat Belia Antarabangsa (International Youth Centre) di Bandar Tun Razak, Cheras; Hotel Tamu di Kampung Baru dan Hostel Travelodge City Centre di Jalan Hang Kasturi.

Adi difahamkan, pemilihan empat hotel ini memberi manfaat kepada 1,000 warga PPR dan PA Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang didapati positif COVID-19 Kategori 1 (tidak bergejala) dan Kategori 2 (bergejala ringan).

Jelas ini menyerlahkan komitmen KWP dan Annur yang sangat prihatin dengan masalah yang dihadapi oleh penghuni PPR dan PA jika mereka dikehendaki menjalani kuarantin, khususnya bagi yang berkeluarga besar.

Mereka berhadapan masalah mengasingkan diri di kediaman masing-masing kerana sempit. Pada masa sama mereka pula tidak mampu pergi PKRCS berbayar.

Kerana itulah KWP mengambil daya inisiatif memindahkan mereka yang dijangkiti COVID-19 Kategori 1 dan Kategori 2 ke hotel-hotel berkenaan bagi menjalani kuarantin dengan lebih selesa serta mengelakkan jangkitan dalam keluarga.

Adi mengucapkan tahniah kepada beberapa pihak dan agensi kerajaan yang membantu melaksanakan proses penempatan ini.

Antaranya Pusat Penilaian Covid (CAC) KWP, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan beberapa



HOTEL Royale Chulan Kuala Lumpur antara hotel yang menerima tetamu untuk kuarantin dengan pakej-pakej tertentu.

agensi berkaitan.

Usaha murni ini bukan sahaja membantu golongan tidak berkemampuan, tetapi lebih penting mengelakkan peningkatan kes positif COVID-19 akibat kontak rapat dengan ahli keluarga yang dijangkiti. Selain itu pemantauan lebih mudah dijalankan.

Presiden Persatuan Pakar Perubatan Kesihatan Awam Malaysia (PPPKAM), Datuk Dr. Zainal Ariffin Omar, menyifatkan langkah ini sebagai bijak.

Selain rumah PPR dan PA yang sempit, pasukan perubatan juga sukar melakuan pemantauan di kawasan tersebut, di samping akses kepada ambulans juga agak sukar.

Memetik kenyataan beliau dalam *Wilayahku*, kuarantin kendiri bagi golongan B40 menjadi lebih sukar jika di dalam rumah berkenaan ada kanak-kanak atau warga emas

tinggal bersama.

Ini kerana kuarantin kendiri memerlukan bilik, tempat makan dan bilik air asing daripada ahli keluarga lain.

Tentu ini menjadi masalah besar bagi rumah PPR dan PPA yang mempunyai bilik terhad, ruang makan kecil serta bilik air hanya satu. Adi memahami masalah mereka.

Jika dilakukan juga, prosesnya remeh. Pesakit perlu memakai pelitup muka sepanjang masa, sentiasa mencuci tangan dengan sabun atau sanitizer. Bilik air berkongsi perlu dicuci dengan pembasmi kuman setiap kali digunakan.

Sebaliknya di hotel, aspek ruang dan keselesaan bukan isu. Penjagaan kesihatan diri lebih mudah dilakukan dengan pemantauan perubatan dan kesihatan secara dekat dan lebih baik.

Aspek kewangan juga tidak perlu dirisaukan kerana segala



**“Di manakah lagi boleh didapati keprihatinan seperti ini terhadap warga Wilayah Persekutuan kurang berkemampuan dan terjejas dengan COVID-19?**

keperluan seperti makanan, minuman dan pengangkutan disediakan.

Ini melegakan golongan kurang berkemampuan dan Adi percaya penghuni PPR dan PA yang terlibat pasti gembira dan menyambut baik inisiatif KWP ini.

Di manakah lagi boleh didapati keprihatinan seperti ini terhadap warga Wilayah Persekutuan kurang berkemampuan dan terjejas dengan COVID-19?

Pelbagai sumbangan makanan dan kewangan juga telah diberi. Kini lokasi untuk pemantauan dan rawatan pesakit COVID-19 pula disediakan.

Bagi yang belum memahami konsep keprihatinan ini, Adi cadangkan renungi dan hayati fungsi RumahPrihatin@ GrandSeasons yang dilancar pada 15 Julai, beroperasi dari Hotel Grand Seasons di Jalan Pahang, bertentangan dengan Hospital Kuala Lumpur.

Enam perkhidmatan yang disediakan di RumahPrihatin@ GrandSeasons semuanya menjurus kepada golongan kurang berkemampuan, termasuk penduduk divaksinasi.

Dapur Prihatin, Bilik Penginapan Prihatin, Pusat Gerakan Jejak Prihatin, Food Bank Prihatin, Khidmat Kesihatan Mental Prihatin dan Khidmat Vaksinasi Prihatin masing-masing ada matlamat tersendiri.

Misalnya Rumah Prihatin antaranya menyediakan makanan percuma untuk golongan fakir miskin, gelandangan, petugas barisan hadapan, musafir dan mereka yang tidak berkemampuan.

Sejumlah 300 bilik disediakan bagi golongan musafir, petugas barisan hadapan atau mana-mana pihak yang memerlukan penginapan sementara bermula dari kadar mampu bayar RM30 semalam. Semua ini di bawah Bilik Penginapan Prihatin.

Selain itu ia juga mengumpul maklumat mengenai golongan miskin bandar untuk diberi bantuan sementara makanan kering diberi kepada golongan rentan bandar seperti yang digariskan dalam Pusat Gerakan Jejak Prihatin dan Food Bank Prihatin.

Khidmat Kesihatan Mental Prihatin pula menyediakan khidmat kaunseling secara pesakit luar kepada individu, keluarga atau kelompok yang memerlukan sokongan emosi.

Khidmat Vaksinasi Prihatin pula membantu golongan

kurang upaya, warga emas, golongan rentan, peniaga, penjaja dan gelandangan yang belum mendapat temu janji suntikan vaksin di mana-mana.

Kesemuanya berteras kepada kebajikan golongan kurang berkemampuan.

Jika ada bayaran pun seperti penginapan, kosnya sangat kecil dan hanya sekadar token RM30 sahaja. Mana ada bilik hotel dengan kos hanya sebanyak itu satu malam?

RumahPrihatin@GrandSeasons dan empat hotel tambahan meneruskan tradisi membantu penghuni PPR dan PA.

Sebelum ini KWP telah memudahkan urusan vaksinasi untuk mereka. Penghuni PPR dan PA tidak perlu ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV).

Sebaliknya trak yang biasa digunakan untuk Program MyMedic@Wilayah diubah guna menjadi PPV bergerak untuk memvaksinasi penduduk di kawasan berkenaan.

Sangat jelas KWP dan Annur Musa sentiasa berusaha mencari jalan mensejahterakan warga Wilayah Persekutuan walau pun perlu menanggung kos yang tinggi. Yang penting rakyat sejahtera dan ancaman COVID-19 segera berlalu.

Matlamat KWP ialah mencapai imuniti kelompok atau *herd immunity* bagi ketiga-tiga Wilayah Persekutuan bulan ini dengan sekurang-kurangnya 80 peratus penduduk divaksinasi.

InsyAllah Adi optimis sasaran ini akan tercapai. Labuan telah pun lebih awal mencapainya.

- Adi Tuah

*Adi Tuah*

**SAJAK**

TANGGA KEPALA

Di sela bukit kebajikan banyak matahati yang terbit menjalurkan fajar iri terhadap gunung kemasyhuran

Mereka memijak tangga-tangga dari kepala-kepala kawan, lawan dan agama agar dapat naik ke tingkat atas paling langit biar lebih disanjung dari gunung biar lebih dipuji dari mahatari

Di sela bukit kebajikan banyak matahati yang terbenam tak mampu bersaksi bahawa darjat kemuliaan tak perlu menakuk kedudukan bahkan perlu menundukkan dahi dan hati ke kaki Tuhan.

**Istajib Mokhtar**  
Kuala Lumpur

Persediaan rapi murid sebelum duduki SPM

# YWP serah 20,000 kata laluan kelas digital

AINI MAWAWI

**S**ERAMAI 20,000 pelajar Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2021 di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan mendapat manfaat daripada kelas digital SPM Mahir Tutor bermula 1 Jun lalu.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP), **Datuk Zaizalnizam Zainun**, sejak ia dilaksanakan, pihaknya telah menyerahkan 20,000 kata laluan kepada murid sekolah bagi membolehkan mereka mengakses kelas percutma tersebut.

"Semuanya berjalan lancar dan *Insyah-Allah* hujung bulan ini, kita akan memperoleh peratusan pe-



ZAIZALNIZAM

lajar yang telah menyertai kelas tersebut sekali gus mengetahui sejauh mana keberkesanannya.

"Untuk itu, kita akan berbincang dengan pembekal data secepat mungkin bagi melihat data pengguna dan maklumat berkaitan," ujar beliau kepada *Wilayahku*.

Tambah beliau lagi, kelas yang merangkumi 10 subjek teras atau wajib lulus SPM merupakan persediaan yang bagus bagi calon SPM menghadapi peperiksaan besar itu tidak lama lagi.

"Jika tidak faham, mereka boleh berinteraksi secara pantas dengan tutor melalui *live chat* untuk melaraikan ketidakfahaman



KELAS digital SPM Mahir tutor beri manfaat kepada bakal calon SPM.

terhadap sesuatu topik.

"Menariknya kesemua kelas

pembelajaran ini direkodkan dalam (video on demand) yang

membolehkan pelajar untuk mengaksesnya melalui semua jenis peranti," ujar Zaizalnizam.

Kelas digital merupakan salah satu Inisiatif Wilayah Cakna (IWC) 5.0 yang diwujudkan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) sementara YWP pula bertindak menyediakan platform dan akses.

Merangkumi 10 subjek teras atau wajib lulus SPM iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sejarah, Pendidikan Islam, Matematik, Sains, Fizik, Kimia, Biologi dan Matematik Tambahan, kelas tersebut mendapat kerjasama pihak syarikat penyedia kemudahan tuisyen dalam talian iaitu Planet Mahir.

Terdahulu, YWP memperuntukkan RM200,000 bagi menyediakan platform dan akses kelas digital dengan harga paling minima iaitu RM10 untuk setiap pelajar. **WK**

## Kak Mas tidak lagi meminjam selepas sertai Grab sebagai penghantar makanan



"SEBELUM menyertai GrabFood, gaji bulanan yang diterima sangat tidak mencukupi untuk menanggung tujuh orang anak. Saya juga sering meminjam wang bagi membuat modal pusingan perbelanjaan," kata ibu tunggal, **Masrizah Marzukir**.

Lebih mesra dipanggil sebagai Kak Mas, wanita berusia 45 tahun itu menceritakan, kewangannya sering terjejas malah gaji bulanan yang diterimanya dihabiskan untuk membayar duit yang dipinjam daripada rakan-rakan.

Ujarnya, keadaan kewangan terus berubah selepas dia mula menyertai pasukan GrabFood sebagai penghantar makanan.

Malah, katanya, sejak bertugas sepenuh masa, dia kini boleh menarik nafas lega dengan pendapatan yang diperoleh.

"Apabila saya dengar bahawa melalui Grab saya boleh 'cash out' hari-hari, saya terus membuat keputusan untuk menyertai kerana ia memberikan peluang untuk menjana pendapatan yang lebih fleksibel."

"Selain itu, ia juga merupakan penyelesaian untuk mengurangkan beban kewangan yang dihadapi selain mengelakkannya dari daripada meminjam wang dengan orang lain," katanya kepada *Wilayahku* baru-baru ini.

Menurut Kak Mas, dia menyertai pasukan penghantar Grab selepas mendengar pengalaman serta perenggan daripada mereka yang terlibat ketika tersempat di beberapa lokasi.

"Daripada perenggan mereka yang positif, saya mendorong diri un-



ANAK-ANAK Kak Mas gembira kerana dapat menghabiskan masa bersama.

tuk menceburkan diri dalam pekerjaan ini," jelasnya.

Melihatkan perubahan dalam dirinya terutama dari segi kewangan, Kak Mas mengesyorkan individu terjejas untuk menyertai pasukan GrabFood.

Ujarnya yang perlu menanggung ketujuh-tujuh anak selepas menjadi ibu tunggal 12 tahun lalu, situasi pandemik ini menyebabkan ramai individu kehilangan pekerjaan, oleh itu, pekerjaan gig atau sampingan dengan Grab ada-



KAK MAS berjaya mengatasi masalah kewangan yang dihadapi menerusi GrabFood.

lah salah satu alternatif baik yang boleh menjana pendapatan untuk mengharungi cabaran masa kini. **WK**



ALEXANDER menyerahkan sumbangan kepada salah seorang penerima di PPR Taman Mulia Bandar Tun Razak pada 3 Ogos.

## 100 B40 PPR Taman Mulia terima sumbangan

SEBANYAK 100 bakul makanan diserahkan kepada golongan B40 di Program Perumahan Rakyat (PPR) Taman Mulia Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur pada Selasa.

Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, **Datuk Seri Alexander Nanta Linggi** berkata, penyerahan sumbangan adalah bersamaan dengan Program Hand-to-Hand Bersama Komuniti dan Petugas Barisan Hadapan.

"Program 3 Ogos ini merupakan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNEP), Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan disokong syarikat 99 Speedmart Sdn Bhd serta rakan strategik utama Sekretariat Food Bank Malaysia iaitu *The Lost Food Project*.

"Program kerjasama ini telah mula dilaksanakan pada 19 Julai lalu di Masjid Puncak Taqwa Pekan Kinarut Papar, Sabah dan turut disasarkan di kawasan Lembah Klang," katanya.

Terdahulu, pada program itu, Alexander menyerahkan bantuan kepada penerima terlibat yang terdiri daripada B40. **WK**

# PPj anjur Kempen Jom Bayar Kompaun

**KEMPEN JOM BAYAR KOMPAUN/SAMAN**  
PERBADANAN PUTRAJAYA  
**1 OGOS - 17 SEPT. 2021**  
Sempena Hari Kebangsaan & Hari Malaysia 2021

UNTUK SEMAKAN KOMPAUN/SAMAN:  
<https://erayuan.ppj.gov.my/>

BAYAR SECARA ATAS TALIAN:  
<https://erayuan.ppj.gov.my/>  
(Perlu daftar terlebih dahulu)

Jom PAY Bil Kod 4432  
Ref 1 (no. kompaun/saman)  
Ref 2 (no. telefon)

**KADAR BAYARAN**

<b>RM 20</b>	<b>KOMPAUN</b>
<b>RM 50</b>	<b>SAMAN MAHKAMAH</b>

\*Tertakluk kepada termasuk & syarat

Pertanyaan Lanjut : 03 8887 7371 / 7610 / 7290 / 7499  
9 pagi - 3 petang (Isnin-Jumaat)

www.ppj.gov.my | Putrajaya | perbadananputrajaya | putrajayacorp

## MPPWP terima 4,000 helai bendera

**PATRIOTIK.** Bersempena sambutan Hari Kemerdekaan tahun ini, Perbadanan Putrajaya (PPj) menyerahkan sebanyak 4,000 helai bendera kepada Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan Putrajaya (MPPWP).

Meneruskan acara tradisi seperti mana tahun-tahun sebelumnya, penyerahan Jalur Gemilang ini diharap dapat memupuk semangat komuniti Putrajaya untuk menghargai jasa dan keringat pejuang tanah air yang membebaskan kita daripada cengkaman penjajah.

Untuk itu, bagi memeriahkan Bulan Kemerdekaan, MPPWP Putrajaya bekerjasama dengan komuniti Putrajaya, Persatuan Penduduk dan Ketua Blok untuk menghias bendera tersebut dan memasangnya di kawasan masing-



PRESIDEN PPj, Datuk Muhammad Azmi Mohd Zain (tengah) menyerahkan bendera kepada salah seorang wakil MPPWP.

masing.

Biar pun acara sambutan seperti mana lazimnya tidak dapat dilaksanakan akibat negara masih berhadapan dengan pandemik

COVID-19, namun situasi ini tidak melunturkan semangat patriotik yang telah sebatik dalam jiwa Masyarakat Malaysia khususnya komuniti di Putrajaya. **w.k**



AINI MAWAWI

**S**EMPENA Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2021, Perbadanan Putrajaya (PPj) mengadakan Kempen Jom Bayar Kompaun bermula 1 Ogos hingga 17 September.

Naib Presiden Undang-Undang PPj, Kamal Azira Hassan berkata, kempen tersebut bagi menggalakkan orang ramai membayar saman dan seterusnya menyelesaiannya dengan kadar yang lebih rendah.

"Kadar tawaran semasa kempen adalah RM20 untuk semua notis kompaun dan RM50 bagi kes saman mahkamah yang mana semakan boleh melalui laman sesawang PPj (<https://erayuan.ppj.gov.my/>)," ujar beliau kepada



KAMAL AZIRA HASSAN

**Wilayahku.**

Dalam pada itu, menurut Kamal, PPj tidak menetapkan sebarang sasaran dalam tempoh kempen ini.

"Walau bagaimanapun, PPj mengharapkan orang ramai mengambil peluang untuk membayar serta menjelaskan kompaun dan saman mereka memandangkan kadar pengurangan kompaun yang lebih rendah berbanding sebelum ini," ujar beliau lagi.

Bagi yang ingin menyelesaikan pembayaran boleh melalui dua cara iaitu laman sesawang erayuan Perbadanan Putrajaya: <https://erayuan.ppj.gov.my/> (perlu daftar terlebih dahulu) atau

melalui JomPay (Biller Code: 4432 (rujukan 1; nombor kompaun/nombor saman dan rujukan 2; nombor telefon).

Sementara itu, kompaun dan saman lalu lintas ini hanya yang dikeluarkan oleh PPj sahaja. **w.k**

Program Mampan Sejahtera : Agenda Kesihatan

## FATTOFIT VIRTUAL @PUTRAJAYA

Local Agenda 21 Putrajaya dengan kerjasama Fattofit Enterprise akan Mengadakan Program Fat to Fit @ Putrajaya 2021 Secara Atas Talian

PROGRAM 8 MINGGU  
11 OGOS 2021 - 31 SEPTEMBER 2021



### HIDUP SIHAT BERIMULAH DENGAN BERSEKAM

Malah hidup aktif semasa mencampuri tempoh PKP adalah sebenarnya yang agak mencabar bagi kita semua. Oleh kerana perlengkapan aktiviti aktiviti secara fizikal mengalami ketidakberhasilan, sebaliknya penting bagi kita untuk menggunakan teknologi sebagai alternatif dan pilihan untuk tetap bersih dan sehat.

### HUBUNGI: 012-6659001

www.ppj.gov.my | Putrajaya | perbadananputrajaya | putrajayacorp



### WHAT WE OFFER

- SENAMAN ATAU TALIAN
- SEMINAR PEMERKASAAN
- PERSIDANGAN BERSAMA BAGINDA
- ADABAY BURUNG TUNAI

**PENGUMUMAN TALIAN UTAMA PERBADANAN PUTRAJAYA**

03 8887 7000 BERMULA 2 OGOS 2021

www.ppj.gov.my | Putrajaya | perbadananputrajaya | putrajayacorp

SOON LI WEI

**P**ERANG melawan pandemik COVID-19 banyak mengubah kehidupan masyarakat di negara ini, ada yang menjadi penganggur, tidak terkecuali peniaga dan usahawan, dengan ada yang terpaksa ‘gulung tikar’.

Antara yang terkesan ialah industri fesyen dan kebanyakannya terpaksa menutup butik serta premis kerana beban kewangan kos sewa dan stok tinggi meskipun tidak beroperasi ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Namun, masih ada yang tidak mudah berputus asa, sebaliknya penerokaan platform ekonomi digital atau e-dagang menjadi batu loncatan untuk membolehkan industri itu dapat bertahan serta berkembang di tengah-tengah pandemik COVID-19.

Selain itu, keberkesanan media sosial termasuk Facebook, Instagram dan Tiktok menyaksikan ramai usahawan baharu mengiklan, mempromosi serta memasarkan produk di alam maya.

Antara yang menyedari betapa pentingnya platform ekonomi digital ketika pandemik ialah usahawan fesyen muslimah, **Faridah Hanom Samsudin** yang memanfaatkan platform maya untuk mengembangkan penawaran produk berdasarkan muslimah.

Beliau yang juga pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Zara Awliyah Sdn Bhd itu mengakui bahawa kuasa media sosial itu sedikit sebanyak membantu menstabilkan perniagaannya ketika krisis pandemik yang masih berlarutan ini memandangkan masyarakat banyak menghabiskan masa dalam media sosial setiap hari.

“Saya tidak dapat menafikan cara konvensional lebih bagus sebelum pandemik kerana kebanyakannya pelanggan lebih suka mencuba sendiri pakaian di premis atau butik sebelum membelinya.

“Namun bagi menyesuaikan dengan norma baharu ini, ekonomi digital lebih mudah untuk diakses kerana pelanggan tidak perlu lagi keluar dari rumah namun dapat membeli-belah menerusi internet,” katanya.

Menurut Faridah Hanom, menerusi e-dagang dan media sosial, peniaga bagaikan mendapat semangat untuk tampil penuh berkeyakinan, selain dapat menjangkau pelanggan di mana-mana sahaja mereka berada dengan menggunakan gajet mereka.

“Selain itu, ekonomi digital dilihat berpotensi mengembangkan kreativiti serta inovasi usahawan dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS), selain

# Industri fesyen berkembang lebih maju ketika PKP



PLATFROM ekonomi digital atau e-dagang membolehkan industri fesyen bertahan serta berkembang di kala pandemik COVID-19 melanda.

membuka peluang pekerjaan dalam kalangan rakyat dalam situasi genting ini,” katanya.

## PELAN SANDARAN KETIKA KRISIS

Faridah Hanom yang berkecimpung dalam dunia fesyen muslimah sejak lapan tahun lalu berkata, pada peringkat permulaan, pihaknya turut berhadapan dengan situasi panik dan buntu apabila kerajaan mengumumkan sekatan pergerakan penuh pada Mac 2020 untuk mengawal penularan wabak COVID-19.

Menurut beliau, pihaknya terpaksa menutup premis perniagaan selama tiga bulan termasuk ketika bulan Ramadan.

Pada kebiasaan sebelum pandemik, pihak beliau banyak mendapat tempahan telelung sebulan sebelum Ramadan sehingga kepada hampir Hari Raya Haji.

Jualan kami memang menurun sebanyak 20 peratus ketika bulan pertama PKP kerana pada masa itu kami panik dan masih lagi dalam menyesuaikan diri dengan norma baharu, terutamanya dari segi mengagihkan semula tenaga kerja, pemindahan stok untuk pembungkusan serta tempoh penghantaran terjejas.

“Mujur saya pernah mempelajari selok-belok perniagaan daripada mereka yang arif sebelum ini dan saya mengamalkan ilmu itu untuk kekal fokus kepada apa yang perlu dilakukan, termasuk menukar kepada perniagaan dalam talian 100 peratus berbanding 80 peratus sebelum PKP,” katanya.

Beliau menambah, pihaknya menggerakkan kira-kira 1,800 agen di seluruh

negara, termasuk Brunei, Singapura dan Filipina, untuk meningkatkan kadar jualan menerusi media sosial dan menjalin hubungan baik dengan pelanggan ketika PKP.

“Jika sebelum ini ‘Facebook live’ sekali sehari dan keluar berjumput dengan pelanggan namun ketika PKP, kami meningkatkan bilangan ‘Facebook live’ itu sebanyak lima hingga enam kali.

Oleh kerana kebanyakan promosi telelung kami sebelum ini lebih kepada persediaan untuk jemaah umrah dan haji, namun sejak PKP promosi itu tidak dapat dilaksanakan maka kami gantikan dengan promosi berkonsepkan hadiah kepada yang tersayang.

“Kami turut menawarkan pembungkusan yang cantik untuk menarik perhatian pelanggan menerusi ‘Facebook Live’ dan membuat peraduan serta kempen eksklusif untuk meningkatkan jualan kami ketika PKP,” katanya yang menambah hasil jualan meningkat sebanyak 20 peratus pada bulan Januari hingga Jun lalu.

Faridah Hanom berkata komunikasi sesama agen, dropship dan kakitangan pengurusan menerusi media sosial sangat penting kerana meskipun tidak dapat bersemuka untuk merancang hala tuju, namun pengurusan stok dan perkhidmatan pelanggan ketika PKP dapat dilakukan.

“Dalam perniagaan fesyen secara dalam talian, kerjasama dengan semua pihak amat penting dan saling bantu-membantu dapat menjalinkan hubungan sesama industri kerana jika dalam keadaan kesusahan, senang untuk

meminta dan menghulurkan bantuan antara satu sama lain.

“Selain itu, saya sentiasa memastikan ada pelan sandaran jika berlaku sesuatu krisis. Contoh, jika ada pembekal tidak dapat menghantar kain dari Indonesia dan Korea dalam masa yang ditetapkan, kami akan berusaha untuk membeli kain dahulu daripada kedai tempatan lain untuk menjahat telelung kami,” katanya.

Faridah Hanom berkata walaupun kebanyakan usaha terpaksa menghadapi pelbagai dugaan ketika PKP, namun ia tidak harus dijadikan sebagai halangan sebaliknya harus dilihat sebagai ‘hikmah’ dan ujian dalam perjalanan hidup.

“Setiap perniagaan mesti ada pasang dan surutnya, jika terpaksa ditutup akibat PKP, tidak mengapa, bangkit semula dan mulakan kembali dengan modal kecil menerusi platform ‘e-commerce’.

“Belajar melalui pengalaman dan tidak berputus asa, jika mereka baru muah berjinjang dalam keusahawanan, jadilah dropship dulu kumpul pengalaman barulah mengembangkan perniagaan mereka secara berperingkat,” katanya.

## KEKALKAN TENAGA KERJA KETIKA PKP

Pengarah Eksekutif Perancangan Strategik Siti Khadijah Apparel Sdn Bhd (SK), **Mohammad Muhammin Aminuddin** berkata, pihaknya turut terkesan dengan pandemik COVID-19 yang melonjakkan ekonomi digital namun masih kekal positif dalam perniagaan mereka.

Beliau berkata, walaupun ketika PKP banyak sektor ekonomi terjejas, namun pihaknya mampu menjana keuntungan sehingga 20 peratus lebih tinggi daripada sebelum PKP pada tahun lepas.

“Sepanjang tempoh PKP, sebanyak 37 cawangan butik SK terpaksa ditutup di seluruh negara, namun kami berusaha menggerakkan kesemua kakitangan cawangan untuk dijadikan dropship sepanjang PKP untuk mlariskan jualan.

“Bersyukurlah kami dapat melalui kesukaran ini dan meneruskan operasi dengan menukar kedai kami kepada e-dagang sepenuhnya. Kami memperhebatkan usaha untuk berhubung dengan pelanggan kami dan menyediakan penghantaran pesanan pada hari yang sama, dan sambutannya amat menggalakkan,” katanya

sambil menambah, produk utama SK adalah telelung sementara produk sampingan terdiri daripada kategori pakaian, sejадah, aksesori dan tudung.

Menurut Mohammad Muhammin, selain menggerakkan staf sebagai dropship, pihaknya juga turut mengadakan kursus penggunaan media sosial dan platform e-dagang kepada lebih 300 orang dropship sedia ada di setiap negeri bagi menggerakkan penjualan produk, terutamanya ketika musim perayaan.

“Kemahiran seperti Facebook Marketing, Headquarters branding marketing campaign, WhatsApp business dan sebagainya, kita hantar yang pakar untuk mengajar kemahiran asas dan kemahiran copywriting untuk menarik perhatian pelanggan.

“Kami mengadakannya secara berterusan sehingga pada PKP 3.0 baru-baru ini, kebanyakan kakitangan butik cawangan bergerak sebagai pasukan dalam talian untuk mencapai sasaran jualan mereka.

“SK bersyukur kerana kemudahan moratorium pinjaman dan pelbagai bantuan kerajaan sedikit sebanyak dapat membantu kebanyakan usahawan PKS untuk terus bertahan ketika pandemik,” katanya.

Bagaimanapun, beliau berpendangan, walaupun kerajaan memberi bantuan dan kemudahan pinjaman kredit kepada golongan terjejas, namun sebagai usahawan PKS, mereka tidak seharusnya bergantung 100 peratus kepada kerajaan.

Usahawan PKS, kata beliau, perlu mempunyai pelan jangka panjang dan pelan sandaran bagi mengatasi sebarang kemungkinan krisis pada masa hadapan.

“Sentiasa berusaha untuk belajar perkara baharu kerana sudah pasti bukan semua krisis yang kita hadapi adalah sama, contohnya seperti pandemik COVID-19, ia merupakan perkara baharu dan semua orang tidak sangka akan penutupan secara besar-besaran akibat PKP.

“Sentiasa berani melakukan perubahan dengan kreatif dan berinovasi kerana semua orang sedang bersaing antara satu sama lain untuk meneruskan perniagaan mereka ketika pandemik, jika kedai fizikal tutup, lakukan secara digital,” katanya. - BERNAMA

# Manfaatkan peluang tersedia, catat keputusan terbaik dalam SPM

SYAHIDI BAKAR

**S**EJUMLAH 20,000 pelajar yang terpilih mengikuti Kelas Tuisyen Digital SPM Mahir tahun ini disaran memanfaatkan sepenuhnya kemudahan disediakan untuk mengulang kaji pelajaran dan seterusnya mencatat keputusan cemerlang.

Perkara tersebut ditegaskan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP), **Datuk Zaizalnizam Zainun** yang mahukan setiap pelajar mengikuti kelas tuisyen secara online itu meraih kejayaan pada peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada Mac depan.

Beliau berkata, kelas tuisyen

bermula Jun hingga Mac 2022 disediakan secara percuma untuk para pelajar bakal menduduki peperiksaan, mengulang kaji semua 10 mata pelajaran yang disediakan di dalam modul pembelajaran secara dalam talian.

"YWP memperuntuk sebanyak RM200,000 untuk memberikan kemudahan tuisyen kepada seramai 20,000 pelajar di Wilayah Persekutuan yang telah dipilih melalui sekolah masing-masing mengikuti 10 subjek tuisyen disediakan.

"Saya melihat inisiatif yang diam-bil melalui Kelas Digital SPM YWP



ZAIZALNIZAM

ini sebagai alat bantuan belajar bagi calon bakal menduduki SPM setelah mereka tidak dapat mengikuti kelas pembelajaran seperti biasa akibat kekangan dari penularan COVID-19.

"Harapan kami semua pelajar dapat memanfaat platform ini dengan sebaiknya serta melakukan persediaan untuk menghadapi peperiksaan besar SPM tidak lagi. Ambil peluang untuk ulang kaji pelajaran dan menggunakan peluang disedia sebagai kemudahan belajar atas talian," katanya kepada Wilayahku.

YWP memperuntukkan sejumlah RM200,000 bagi menyediakan platform serta akses kelas digital SPM Mahir tutor yang memberi manfaat kepada 20,000 pelajar bakal menduduki SPM di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Kemudahan kelas digital disediakan YWP adalah salah satu daripada Inisiatif Wilayah Cakna (IWC) 5.0 yang diwujudkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) bertujuan meningkatkan lagi prestasi anak-anak Wilayah Persekutuan.

Menurut Zaizalnizam, YWP juga tidak menolak kemungkinan untuk memperluaskan kemudahan

yang sama kepada pelajar tingkatan lain sebagai satu kemudahan bantuan pembelajaran di masa akan datang.

"Semua perkara ini ada dalam perancangan YWP dan tidak mustahil dikembangkan untuk pelajar tingkatan lain sekiranya ada penyedia khidmat tuisyen secara online tawarkan harga berpatutan.

"Untuk Kelas Tuisyen Digital SPM Mahir ini harga dikenakan agak berpatutan iaitu RM1 untuk satu mata pelajaran. Jadi, sekiranya kos pengendalian tuisyen ini kompetitif, YWP tidak menolak akan sediakannya bagi pelajar tingkatan lain untuk merangsang prestasi akademik pelajar," katanya. **WK**

## YWP: Tuisyen digital bantu tingkat kefahaman pelajar modul pembelajaran diguna paling efektif

SYAHIDI BAKAR

**KEBANYAKAN** pelajar bakal duduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun ini mengakui Kelas Tuisyen Digital SPM Mahir disertai secara online berhasil dalam meningkatkan kefahaman mereka berkenaan sesuatu subjek.

Kelas selama seminggu itu turut menampilkan pelbagai tips menarik untuk diterokai seterusnya membantu peningkatan prestasi akademik setiap pelajar mengikuti sesi tuisyen tajaan sepenuhnya Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) mulai Jun.

Bagi **Tang Xiao Zi**, pelajar Tingkatan 5, SMK Seri Saujana, Kuala Lumpur mengakui kebaikan serta keberkesanannya yang diikutinya dalam lima matapelajaran iaitu Bahasa Malaysia, B. Inggeris, Matematik, Sains dan Sejarah.

Katanya, cara pengendalian tuisyen sejam setiap hari selama seminggu itu, amat memuaskan dan membantu pencapaian akademik dalam semua mata pelajaran yang diikuti.

"Keberkesanannya sesi tuisyen yang saya diikuti ini bagus dan berharap dapat membantu saya bila duduki peperiksaan SPM nanti."

"Harapan saya ialah dapat lulus penuh di dalam semua subjek. Saranan saya kepada rakan-rakan pelajar yang lain ialah belajar bersunguh-sunguh supaya mencapai kejayaan dalam peperiksaan nanti," katanya.

Xiao Zi ialah salah seorang daripada keseluruhan 20,000 pelajar yang telah terpilih mengikuti Kelas Tuisyen Digital SPM Mahir tajaan YWP bermula Jun 2021 sehingga Mac 2022.

Sementara itu, **Chira a/p Som Phong**, pelajar SMK Putrajaya Presint 18 (1) pulau berpendapat, kelas tuisyen online diikut membolehkannya mendapat tips dan kata kunci mudah diingati selain dapat mening-



**KELAS** Tuisyen Digital SPM Mahir yang diadakan secara online membantu meningkatkan kefahaman pelajar SPM dalam sesuatu subjek.

katkan kefahamannya di dalam subjek

Menurutnya, tuisyen diikuti di dalam dua subjek iaitu Fizik dan Kimia memberikan kelebihan iaitu kaedah pengendalian tuisyen adalah santai tetapi mempunyai tips mudah diingat dan senang pula difahami.

"Kelas tuisyen ini sangat membantu peningkatan akademik saya jadi bagi saya ia wajar diteruskan untuk memberi semangat kepada pelajar supaya terus belajar sehingga berjaya."


"Saya berharap di dalam peperiksaan SPM nanti saya mendapat keputusan cemerlang bagi setiap subjek, saranan saya kepada rakan semua ialah kita perlu berusaha untuk memperolehi keputusan cemerlang seperti membuat latihan atau ulang kaji menjawab soalan dengan lancar," ujarnya.

Bagi **Mohd Aiman Roslan** pula, kelas online yang diikuti sedikit sebanyak

membantu dirinya dalam memahami silibus kritisikal bagi subjek Fizik dan Kimia sebagai persediaan menduduki SPM pada Mac nanti.

Kata pelajar Sekolah Menengah Agama MAIWP Labuan itu, kaedah pengendalian tuisyen digital itu membolehkannya mendapat akses kepada beberapa tips menjawab peperiksaan yang mana sebelum ini tidak didapati olehnya di kelas biasa.





**USAHA** memastikan kes jangkitan pandemik COVID-19 di Wilayah Persekutuan Labuan dapat dibendung dan seterusnya melangkah sebagai Wilayah Persekutuan zon hijau sepenuhnya.

Jawatankuasa Bencana Daerah Labuan dan Jabatan Kesihatan Negeri Labuan mempergiat pelaksanaan pengesanan kes aktif (ACD) secara besar-besaran menerusi Ops Bersih COVID-19.

Pelaksanaan ACD itu yang juga sebahagian daripada kaedah saringan bersasas dijalankan di kawasan berpenduduk padat dengan jumlah warga asing tertinggi seperti di Skim Penempatan Masyarakat Pelarian (SPMP) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR) di Kampung Saguking, baru-baru ini.

Sekurang-kurangnya 1,800 ahli keluarga di 600 rumah telah disaring menggunakan kaedah ujian calitan RTK-Antigen.

Bagaimanpun, pada 27 Julai lalu, Labuan menjadi Wilayah Persekutuan dan negeri pertama mencapai 80 peratus imuniti kelompok. **W.K**



SEBAHAGIAN penduduk di lokaliti Saguking telah menjalani uji saringan COVID-19 yang dijalankan oleh Jabatan Kesihatan Labuan menerusi Ops Bersih COVID-19, baru-baru ini.



PETUGAS kesihatan sedang menyampaikan maklumat bagi tujuan saringan.



PENGURUS JPBD Labuan Rithuan Mohd Ismail berkesempatan meninjau petugas kesihatan melakukan saringan ACD kepada penduduk lokaliti Saguking.



SEORANG petugas kesihatan bahagian promosi Labuan membuat hebatan kepada penduduk di lokaliti Saguking bagi menjalani saringan pengesanan kes aktif.

# Bersedekahlah sama ada kaya atau miskin - Amaris

**T**IDAK dinafikan, masih ramai yang takut-takut hendak bersedekah kerana bimbang harta akan berkurang.

Lain pula bagi pelakon **Putra Amaris**, 35, yang memegang prinsip tidak perlu tunggu kaya untuk bersedekah.

Disebabkan itulah, Amaris tidak berkira melakukan kerja-kerja amal bersama badan bukan kerajaan dalam membantu golongan yang memerlukan.

"Saya pernah susah, jadi saya tahu perasaannya. Melihat banyak masyarakat yang terkesan akibat pandemik COVID-19, saya tidak sampai hati oleh itu berpandangan perlu lakukan sesuatu."

"Sejak itu, saya sentiasa merancang dan bekerjasama dengan pihak-pihak lain untuk menghulurkan sumbangan makanan kepada keluarga susah."

"Mungkin apa yang diberikan tidaklah mewah, tetapi sedikit sebanyak boleh mengurangkan beban hidup terutama mereka yang sudah berkeluarga," luah Amaris yang berpuas hati melihat orang susah tersenyum apabila anak-anak mereka masih ada bekalan makanan.

Berkata lanjut, dia mengakui bersa puas apabila dapat terlibat dalam kerja amal.

Baginya, walaupun bukan orang kaya, tidak salah untuknya membantu orang lain.

"Kalau diizinkan Allah, saya nak peruntukkan lebih banyak wang ringgit supaya dapat bantu sedaya yang boleh selagi tulang empat kerat saya masih ada," jelasnya lagi.

Sebelum ini Amaris terlibat dalam banyak program amal seperti aktiviti *Food Bank* kepada 70 buah rumah di sekitar kawasan Wangsa Maju dengan kerjasama pusat beli-belah Wangsa Walk, Yayasan *Food Bank* Malaysia serta pertubuhan badan bukan kerajaan lain yang turut terbabit, baru-baru ini.

Sementara itu, Amaris juga sempat menyertai Sukarelawan Wilayah Prihatin (PriVo) untuk membahagikan makanan kepada petugas barisan hadapan di PPR Perkasa, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

"Saya bangga melihat semangat anak-anak muda menyertai PriVo dan memberikan komitmen yang tinggi dalam membantu golongan susah."

"Misalnya ketika program Vaksinasi Bergerak, mereka rajin membantu orang-orang tua dan golongan orang kurang upaya (OKU) agar dapat menerima vaku-



**AMARIS** menyerahkan bantuan kepada golongan yang memerlukan.

sin," jelasnya lagi.

Selain itu, Amaris turut berkunjung ke RumahPrihatin@GrandSeasons iaitu hotel kebajikan buat warga wilayah yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

Dalam perkembangan lain, Amaris turut mengusahakan bisnes tart telur iaitu Amaris Mytart. **WK**



**BAGI** Amaris, seseorang itu tidak perlu tunggu kaya baru hendak bersedekah

## Johan tambah pendapatan, jual kemeja-T edisi merdeka

SEMPENA bulan Ogos yang juga dikenali sebagai bulan Kemerdekaan, pelakon popular **Johan As'ari**, 34, berniaga dengan menjual kemeja-T.

Menurut Johan, walaupun rakyat sedang berhadapan cabaran pandemik COVID-19, bulan kemerdekaan tetap perlu diraikan.

"Menjual kemeja-T bertemakan Hari Kemerdekaan antara cara saya mahu semarakkan lagi semangat patriotik dalam diri masyarakat."

"Saya sedar, dalam situasi sekarang, kita tidak boleh menyambut hari bersejarah ini dengan mengadakan perarakan seperti dulu, namun itu bukan alasan untuk kita tidak mengahayati erti kemerdekaan."

"Apa yang istimewanya kemeja-T ini adalah fabriknya seratus peratus cotton dan sesuai digayakan di mana-mana sahaja serta selesa pakai di rumah," katanya yang menyasarkan bisnes, *Reunite by Johan Asari*, itu diperluaskan lagi untuk lebih dikenali.

Pelakon filem *Juvana* ini juga mengaku fokusnya kepada bisnes ini adalah bagi mengisi masa lapang sementara aktiviti penggambaran ditunda kerana Perintah Kawalan Pergerakan.



**JOHAN** meraikan bulan kemerdekaan dengan menjual kemeja-T

"Tidak dinafikan sejak di awal pandemik, sedikit sebanyak menjejaskan ekonomi ramai orang. Disebabkan itu saya mencari idea untuk terus bergerak lebih maju ke depan. Apatah lagi kerja sebagai anak seni terpaksa ditunda atas faktor keselamatan ketika ini."

"Memandangkan penggambaran tertunda saya perlu mencari Caea untuk tempung pendapatan. Hasil perbincangan berempat tahun lalu, pada bulan Ogos dengan rasminya kami telah mengeluarkan kemeja-T pertama edisi kemerdekaan dengan kuantiti yang sederhana,"

"Dalam bisnes ini saya dibantu oleh empat sahabat iaitu Ezzat, Farhan, Ghazali dan Farid. Asalnya kami merancang sekitar penghujung 2019 tapi saya lewat beri keputusan sebab berada di luar kawasan untuk penggambaran."

"*Insyā-Allah* sekiranya ada rezeki lebih dalam jualan baju jenama *Reunite*, saya akan bantu dan berkongsi rezeki dalam pelbagai cara," ujarnya lagi yang berharap masyarakat yang terkesan mencari alternatif lain bagi mereruskkan kehidupan kita."

Untuk maklumat lanjut, pembelian kemeja-T yang berharga RM55 sehelia ini, boleh layari Instagram dan Facebook *Reunite Legacy* serta ikuti perkembangan di saluran YouTube *Johan As'ari*. **WK**

## Jangan segan-segan dapatkan khidmat kaunseling - Zoey

PELAKON terkenal **Zoey**, 36, turut bersa terkilan dengan kejadian kes bunuh diri serta depresi dalam kalangan masyarakat yang makin meningkat.

Dengan penubuhan Rumah Prihatin di Hotel Grand Seasons yang diwujudkan Kementerian Wilayah Persekutuan, Zoey berharap masyarakat dapat memanfaatkannya demi masa depan yang lebih harmoni.

"Mungkin ada yang sudah tahu tentang Rumah Prihatin. Mungkin juga ada yang belum pernah dengar. Saya sebenarnya bangga untuk berkongsi tentang Rumah Prihatin yang memberi manfaat kepada masyarakat terutamanya warga Wilayah Persekutuan."

"Hotel adalah yang terkesan akibat pandemik COVID-19 seperti golongan miskin bandar dan individu yang ada masalah mental."



**ZOEY** berharap individu yang mempunyai masalah mental mendapatkan rawatan di Rumah Prihatin

"Antara yang bagus pasal Rumah Prihatin ini adalah Khidmat Klinik Mental secara percuma kepada masyarakat yang mempunyai masalah mental seperti gangguan emosi dan kebimbangan yang melampau (*anxiety*).

"Jarang saya dengar khidmat kaunseling untuk mereka yang memerlukan diberikan secara percuma."

"Ini menunjukkan betapa prihatinnya kerajaan dalam menangani masalah kesihatan yang melanda rakyat sejak negara diserang wabak COVID-19."

"Kepada yang ada masalah mental, jangan segan-segan untuk dapatkan Khidmat kaunseling di Rumah Prihatin."

"Jangan risau, rahsia anda dijaga oleh kaunselor yang bertauliah," jelas Zoey yang berharap khidmat ini boleh mengurangkan kes bunuh diri atau cuba merosakkan diri sendiri."

Tambah pelakon drama bersiri *Madam E-Wallet* ini lagi, selain khidmat Kesihatan Mental Prihatin, inisiatif lain bawah Rumah Prihatin adalah *Food Bank* Prihatin, Jejak Prihatin, Dapur Prihatin, Khidmat Vaksinasi Prihatin dan Bilik Penginapan Prihatin.

"Rumah Prihatin ini menyediakan pelbagai khidmat agar masalah rakyat dapat diselesaikan secara lebih menyeluruh."

"Bukan sahaja dari segi keperluan makanan dan kesihatan mental, malah pemberian vaksin juga dilaksanakan bagi memastikan warga Wilayah Persekutuan tidak tercicir daripada mendapat vaksin," jelasnya lagi. **WK**



# RUMAH PRIHOTIN@ GRAND SEASONS

Kuala Lumpur



Menyediakan makanan percuma untuk golongan fakir miskin, gelandangan, petugas barisan hadapan, musafir dan mereka yang tidak berkemampuan.

011-7074 2927



300 bilik penginapan tersedia bagi golongan musafir, petugas barisan hadapan, atau mana-mana pihak yang memerlukan tempat penginapan sementara.

Bilik penginapan mampu bayar bermula dari RM30/malam.

011-7073 6458



- One Stop Centre -

Menerima makluman berkenaan golongan miskin bandar agar sukarelawan PriVo, MPPWP dan NGO turun ke padang untuk menyantuni kumpulan sasar tersebut agar bantuan yang diperlukan dapat dikenalpasti dan dibantu sewajarnya.

011-7073 8633



Sumbangan makanan kering kepada golongan rentan bandar yang memerlukan melalui MPPWP dan sukarelawan.

Sumbangan daripada badan korporat, NGO dan lain-lain untuk tujuan ini amat dialu-alukan.

011-7110 7898



Khidmat kaunseling secara outpatient kepada individu, keluarga, atau kelompok yang memerlukan sokongan emosi.

Dilaksanakan dengan penuh kerahsiaan oleh kaunselor dan doktor bertauliah.

011-7073 8412



Golongan kurang upaya, warga emas, golongan rentan, peniaga, penjaja dan gelandangan yang belum mendapat temujanji suntikan vaksin di mana-mana PPV.

011-7074 2318

#RumahPrihatin

# 5 variasi resipi makanan barat untuk anda yang nak diet



SABRINA SABRE

Bila sebut saja makanan barat, apa yang kita selalu bayangkan adalah chicken chop dan steak saja kan? Sebenarnya banyak lagi menu makanan barat yang boleh dijadikan menu makanan harian anda. Bukan itu sahaja, menu barat ini juga sangat sesuai untuk dijadikan menu diet buat anda yang nak kurus. Sedap dan sihat pula tu. WK

## STIK IKAN

**BAHAN-BAHAN**

2 keping ikan tenggiri  
1 sudu makan lada hitam  
1 sudu makan sos tiram  
1 sudu teh serbuk kunyit  
100 g brokoli  
1 batang lobak merah  
1 biji tomato  
1 cawan sos lada hitam

**CARA PENYEDIAAN**

Bersihkan ikan dan tuskan sehingga kering. Perapkan ikan dengan semua bahan kecuali brokoli, lobak merah, dan tomato selama 30 minit. Bakar ikan di atas pemanggang sehingga nampak garing. Celur brokoli dan lobak merah di dalam air mendidih sehingga lembut. Hidangkan bersama sayur sayuran dan sos lada hitam.

## PENNE GORENG

**BAHAN-BAHAN**

500 g penne  
1 labu bawang holland  
300 g udang  
5 biji sosej  
300 g brokoli  
5 biji tomato  
10 biji cendawan butang  
3 sudu makan sos cili  
½ cawan sos tomato  
1 sudu makan lada hitam  
1 biji capsicum merah  
1 biji capsicum hijau  
3 sudu makan minyak masak  
Garam secukup rasa

**CARA PENYEDIAAN**

Rebuskan penne sehingga lembut dan tuskan. Kemudian ketepikan. Panaskan minyak kemudian tumiskan bawang Holland sehingga naik bau dan layu. Masukkan udang dan sosej. Kemudian goreng sehingga masak. Masukkan penne, brokoli, tomato, cendawan butang, sos cili, sos tomato, serbuk lada hitam, dan garam. Kacau rata. Tutupkan api dan masukkan capsicum merah dan capsicum hijau. Kemudian kacau rata sekali lagi.



## NASI PAELLA

**BAHAN A (NASI)**

1 kg beras basmati  
1 potong ikan tenggiri  
200 g udang  
200 g sotong  
200 g isi ayam  
200 g isi kupang  
1 liter stok ayam  
1 biji capsicum hijau  
1 biji capsicum merah  
½ cawan kacang pis  
2 biji tomato  
1 pokok daun sup  
½ sudu teh serbuk kunyit  
3 sudu makan marjerin  
2 sudu makan minyak masak  
Garam secukup rasa

1 ulas bawang putih  
2 inci halia

**CARA PENYEDIAAN**

Basuh beras dan rendamkan selama 30 minit. Toskan. Panaskan minyak masak dan marjerin. Gorengkan udang dan sotong. Angkat dan ketepikan. Tumiskan bahan B sehingga layu. Masukkan ikan tenggiri, isi ayam, dan isi kupang. Kacau rata. Masukkan stok ayam, serbuk kunyit dan garam. Biarkan mendidih. Masukkan beras, capsicum hijau, capsicum merah, kacang pis, dan tomato. Biarkan mendidih sekali lagi. Apabila sudah kering masukkan daun sup, udang, dan sotong yang sudah digoreng tadi. Sedia dihidangkan.

## IKAN DORI PANGGANG

**BAHAN-BAHAN**

1 kg isi ikan dori  
3 biji bawang putih  
1 inci halia  
½ sudu makan lada hitam  
3 biji cili api  
Garam secukup rasa  
½ sudu teh serbuk kunyit

**CARA PENYEDIAAN**

Tumbuk bawang putih, halia, lada hitam, dan cili api sehingga lumat. Ikan dori dipotong dua dan sapukan garam. Gaulkan bahan tumbuk dan serbuk kunyit pada isi ikan dori. Panggang di atas kuali non-stick dengan api perlahan selama 15 minit sambil terbalikkan kedua-dua belah ikan. Hidangkan.



## COLESLAW AYAM

**BAHAN-BAHAN**

2 keping dada ayam  
2 sudu makan sos BBQ  
1 inci halia dicincang halus  
1 cawan mayonis  
1 sudu makan minyak jagung  
2 sudu makan sos cili  
2 sudu makan bijan  
1 batang lobak merah  
1 batang saderi  
¼ biji kubis ungu  
¼ biji kubis manis  
2 pokok daun bawang

**CARA PENYEDIAAN**

Gaulkan ayam dengan sos BBQ dan bakar di dalam kuali non-stick selama 15 minit sambil terbalikkan ayam. Hiris nipis dan masukkan ke dalam mangkuk besar. Gaulkan halia, mayones, minyak jagung, sos cili, dan separuh bijan ke dalam mangkuk kecil. Masukkan lobak merah, semua bahan hiris, dan bahan gaul ke dalam mangkuk berisi dada ayam. Gaul perlahan-lahan. Taburkan dengan separuh bijan lagi. Hidangkan.



# Empat filem kapal terbang yang wajib ditonton

**M**INGGU ini genap lebih 500 hari kita menjalani Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Bagi kaki mengembawa pastinya rindu untuk menaiki kapal terbang dan melancong ke luar negara seperti sebelum ini. Pelbagai filem yang berkaitan dengan kemalangan pesawat juga boleh menjadi hiburan dan juga aspek positif ketika belajar dalam kehidupan sebenar.

Edisi kali ini, *Wilayahku* akan berkongsi



DIANA SYUHADA MOHD AMIR

empat filem menarik yang boleh ditonton bagi anda menghilangkan kerinduan menaiki pesawat. **WK**

## #2 The Captain

Pengarah: Andrew Lau  
Pelakon: Zhang Tian Yang, Zhang Hanyu, Lu Xian

**THE Captain** adalah filem Cina berdasarkan kisah benar mengenai kemalangan pesawat Sichuan Airlines Flight 8633 dari Chongqing ke Lhasa, Tibet.

Filem ini mengisahkan tentang pengalaman penumpang dalam pesawat Airbus A319 milik Sichuan Airline yang terpaksa melakukan pendaratan kecemasan kerana kejadian mengerikan berlaku ribuan meter di atas langit membuatkan beratus penumpang di pesawat panik.

Kapten harus berjuang dalam



mencari tempat untuk mendaratkan kapal terbang memandangkan mereka berada di kawasan pergunungan, tidak mempunyai tanah yang landai untuk pendaratan darurat. Saksikan filem ini untuk mengetahui adakah anak kapal serta penumpang selamat melakukan pendaratan kecemasan atau sebaliknya.

**WK**



## #3 Okay! Madam

Pengarah: Lee Cheol-ha  
Pelakon: Lee Sun-Bin, Uhm Jung-hwa, Lee Sang-yoon

**OKAY!** Madam mengisahkan Mi-Young (Uhm Jung-hwa) yang mengendalikan sebuah kedai di pasar tradisional, di mana dia membuat dan menjual roti pilin. Suaminya, Seok Hwan (Park Sung Woong) bekerja sebagai pembaiki komputer.

Suatu hari, Seok-hwan mememangi lawatan percuma ke Hawaii. Mi Young dan Seok Hwan akan melakukan perjalanan antarabangsa pertama mereka

bersama anak perempuannya. Ketika Mi Young dan Seok Hwan menaiki pesawat ke Hawaii, semuanya tidak berjalan seperti yang diharapkan. Sekumpulan pengganas, termasuk Cheol Seung (Lee Sang Yoon), yang mengejar ejen rahsia, menaiki pesawat yang sama. Para penumpang menjadi tebusan. Tiba-tiba, Mi Young dan Seok Hwan mula menyelamatkan penumpang yang lain. Mengapa pasangan ini tiba-tiba ingin menyelamatkan penumpang lain? Adakah mereka berjaya menyelamatkan kesemua penumpang?



## #1 Blood Red Sky

Pengarah: Peter Thorwarth  
Pelakon: Peri Baumeister, Alexander Scheer

**MENCERITAKAN** seorang *vampire* yang melindungi anaknya dari ancaman sekumpulan pengganas yang merampas penerbangan malam transatlantik. Akibatnya, seorang wanita misteri yang sedang sakit mesti membongkar rahsia besar untuk menyelamatkan anaknya.

Elias dan ibunya, Nadja menaiki pesawat ke New York. Namun, beberapa minit setelah berlepas, pesawat tersebut dirampas sekumpulan pengganas yang

berkomplot untuk membunuh juruterbang. Elias yang mengalami ketakutan cuba untuk menyembunyikan diri ke dasar kapal terbang dan ketika ibunya cuba mengejar salah seorang pengganas telah melepaskan tembakan.

Dalam kekecohan yang berlaku, mayat Nadja berubah menjadi *vampire* dan menyebabkan suasana di dalam pesawat semakin huru-hara. Apakah yang akan berlaku kepada Elias serta penumpang yang lain? Saksikan *Blood Red Sky* di Netflix anda sekarang.

## #4 Fasten Your Seatbelt

Pengarah: Ha Jung-woo  
Pelakon: Jung Kyung-ho, Kang Han-na, Ko Sung-hee

**Ma Joon-Gyu** (Jung Kyung-ho) merupakan seorang bintang terkenal yang menaiki kapal terbang dari Tokyo untuk ke Seoul, Korea. Pesawat yang dinaiki penuh penumpang serta kru kapal yang mempunyai pelbagai watak yang berbeza seperti pakar perdagangan, sami dan

paparazzi.

Keadaan menjadi tegang dan pelbagai peristiwa lucu berlaku apabila pesawat tersebut dilanda taufan dan berada dalam bahaya. Skandal, pertemuan kebetulan dengan penumpang kelas satu yang lain, sejarah masa lalu dengan pramugari dalam penerbangan dan taufan yang akan datang semuanya menimbulkan kekacauan sepenuhnya. Adakah Ma Joon-Gyu akan berjaya kembali ke Seoul?



Kawal kemasukan individu dan kumpulan tanpa permit

# Operasi bersepadu perairan Labuan



KORESPONDEN  
KHAIRUL IDIN

**JAWATANKUASA** Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) Labuan melancarkan Ops COVID-19 Bersepadu membabitkan 13 agensi penguatkuasaan bagi pengawalan dan pemantauan dikawasan perairan Labuan bagi memastikan tiada berlakunya pencerobohan kemasukan ke pulau itu.

Pengerusinya, **Rithuan Mohd Ismail** berkata, Ops Besepadu itu dilaksanakan berdasarkan tindakan susulan yang telah dilaksanakan oleh JPBD sebelum ini bagi memastikan Labuan bebas COVID-19.

Katanya, operasi itu membabitkan pengawalan dan penguatkuasaan dikawasan darat, pantai dan perairan Labuan bermula pada 2 Ogos.

Ops Bersepadu ini diketuai oleh

Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan disertai 13 agensi kerajaan (penguatkuasa) iaitu Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Kastam diRaja Malaysia (JKDM), Angkatan Pertahanan Malaysia (APM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Laut Labuan, Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Perbadanan Labuan (PL), Kementerian Kesihatan Malaysia (KMM), Jabatan Perikanan dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA).

Tujuan ops ini adalah bertujuan bagi mengekalkan momentum kita yang mana Labuan telah mencatatkan 80 peratus imuniti kelompok dan memastikan Labuan menjadi Wilayah Persekutuan hijau iaitu bebas dari pandemik COVID-19," katanya kepada pemberita di Majlis Pelancaran dan menyertai Ops COVID-19 Bersepadu di perairan Labuan pada Isnin.



RITHUAN (tengah) menyerahkan jalur gemilang kepada Ahmad Jawila (depan, hujung kanan) sebagai gimik pelancaran Ops COVID-19 Bersepadu pada Isnin.

Rithuan berkata pelaksanaan Ops COVID-19 Bersepadu turut memfokuskan pengawalan dan penguatkuasaan terhadap kemasukan individu daripada luar ke Labuan dengan pintu masuk yang sah sepertimana yang telah ditetapkan oleh JPBD.

"Ia adalah bagi mengawal kemasukan individu dan kumpulan

dari luar ke Labuan melalui saringan dan tapisan dan kita ingin memastikan tiada pencerobohan di laluan ticus.

"Individu atau kumpulan dari luar yang ingin masuki Labuan mestilah melalui pintu masuk yang sah.

"Penduduk tempatan perlu bekerjasama dengan pihak berkuasa menjadi mata dan telinga bagi

menyalurkan maklumat berkaitan pencerobohan pendatang haram atau mereka yang melakukan perjalanan tanpa permit polis katanya lagi.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Labuan **Superintendent Ahmad Jawila** berkata, operasi itu akan membabitkan 170 anggota daripada 13 agensi yang terlibat.

Katanya, operasi itu akan dijalankan selama 24 jam setiap hari bagi melakukan pengawalan dan pemantauan di sepanjang pesisir pantai sejauh 33 kilometer.

"Labuan memiliki garis pantai sepanjang 66 kilometer, daripada jumlah itu, 33 kilometer adalah garis pantai hadapan dan selebihnya tidak dijaga dan menjadi laluan haram untuk pendatang haram.

"Kita (penguatkuasa) ingin memastikan tiada pencerobohan di sekitar perairan Labuan dan memastikan pengembala yang masuki Labuan perlu melalui pintu masuk yang diwartakan iaitu terminal feri dan Lapangan Terbang Labuan," katanya lagi. **WK**

## Sekolah bantu murid terkesan COVID-19

**USAHA** Sekolah Menengah Kebangsaan Mutiara dalam mendekati warga sekolah khususnya murid-murid yang terkesan akibat pandemik COVID-19 di sekolah ini haruslah diberi pujian.

Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan **Yusop Mohamad** berkata, hal itu demikian kerana pendekatan "bantu dan sayang" yang dilakukan oleh pengurusan sekolah sekurang-kurangnya dapat meringankan masalah yang dihadapi oleh murid-murid.

"Sesungguhnya dedikasi, empati serta semangat yang ditunjukkan oleh semua yang terlibat membuktikan bahawa kita semua peka dan mengambil berat terhadap masalah dan isu keperluan warga dan anak-anak didik SMK Mutiara pada masa ini. Seperti yang kita sedia maklum, di Pulau Labuan ini, kes aktif COVID-19 telah meningkat dengan pantas sekaligus sejak awal Mei hingga Jun dan secara tidak langsung menyumbang kepada kematian yang agak tinggi di Labuan," katanya ketika merasmikan Program Ziarah Cakra Maya Perdana yang disiarkan menerusi Google Meet baru-baru ini.

"Masyarakat di sekeliling kita, termasuk anak-anak didik kita juga terlibat secara langsung dalam menghadapi permasalahan dalam kehidupan dan keluarga sepanjang pandemik ini. Tidak ketinggalan juga, ramai dalam



MAJLIS Bacaan Yassin, Tahlii, doa selamat serta penyerahan simbolik penyerahan kepada murid.

kalangan murid kita yang telah kehilangan ibu dan bapa ter-sayang secara tidak diduga", tambahnya lagi.

Menurut beliau, program itu sudah tentu akan memberi manfaat kepada kita semua dalam membantu meringankan beban anak-anak didik kita.

Inilah bukti jelas tentang usaha-usaha warga pendidikan yang sentiasa komited dalam memastikan anak-anak kita semua mampu terus berusaha dalam pelajaran walaupun ada halangan dan ujian yang dihadapi oleh mereka.

Manakala Pengetua SMK Mutiara **Yahya Ahmad Puteh** berkata, bahawa seramai empat orang murid di sekolah ini yang kehilangan ibu atau bapa yang disebabkan oleh pandemik COVID-19. Tiga daripadanya merupakan murid Tingkatan Lima manakala seorang murid pula merupakan murid Tingkatan Satu.

Justeru, pihak sekolah men-

gucapkan ribuan terimakasih kepada semua guru, PIBG dan komuniti yang membantu anak-anak murid ini supaya kita dapat meringankan sedikit beban yang ditanggung serta dapat menyokong emosi mereka bahawa masih ada orang yang mengambil berat tentang diri murid.

"Kita akan sentiasa membudayakan amalan "bantu dan sayang" dalam mendekati murid kerana murid-murid ini dalam apa-apa jua keadaan perlu dibantu, disayangi dan diberi sokongan emosi apatah lagi ada dalam kalangan mereka ini yang akan mendukung peperiksaan Sijil Peperiksaan Malaysia bagi tahun 2021," katanya lagi.

Turut hadir dalam program tersebut ialah Tuan Haji Abdul Rahman Ahmad, Timbalan Pengarah Pendidikan Labuan, Norhani Yusof, Pemangku YDP SMK Mutiara, penolong-penolong kanan serta ibu bapa dan murid yang terlibat. **WK**

## PL agih bantuan makanan untuk penjaja dan penduduk

DALAM memastikan kebijakan golongan penjaja dan penduduk yang terkesan akibat penularan COVID-19 di Pulau Bebas Cukai itu, Perbadanan Labuan (PL) mengambil inisiatif untuk mempergiatkan program edaran bantuan bakul makanan kepada golongan itu.

Menerusi kenyataan Perbadanan Labuan pada Ahad memaklumkan, edaran bantuan itu dilaksanakan di Medan Selera, Labuan Walk dan Pasar Malam secara pandu lalu pada 3 Ogos ini.

Katanya, sesi edaran bantuan makanan itu terbahagi kepada dua sesi iaitu bagi penjaja di Medan Selera, Labuan Walk dan Pasar Malam akan diadakan ada pukul 9 pagi sehingga pukul 1 petang.

"Manakala bagi sesi kedua iaitu pada pukul 2 petang sehingga 4 petang melibatkan edaran bakul makanan kepada penjaja di Pasar Lama, Ramsey Point dan Pasar Tani," kata kenyataan itu, pada Ahad.

Dalam pada itu, Perbadanan Labuan turut memaklumkan akan meneruskan agihan bantuan bakul makanan kepada penduduk di setiap kampung di Labuan.

Jelasnya, PL akan mengagihkan sebanyak 100 bakul makanan kepada setiap kampung bagi diagihkan kepada penduduk yang terkesan.

"Penduduk Labuan yang memerlukan bantuan itu boleh menghubungi Ketua Kampung dan Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) masing-masing bagi

**PROGRAM EDARAN BANTUAN KIT MAKANAN SECARA PANDU LALU KEPADA PENJAJA-PENJAJA**

3 OGOS 2021 (SELASA)  
MEDAN SELERA LABUAN

- 9.00AM - 1.00PM: PENJAJA TAMU LABUAN WALK / PASAR MALAM / MEDAN SELERA LABUAN
- 2.30PM - 4.30PM: PENJAJA PASAR LAMA / RAMSEY POINT / PASAR TANI

#PLaykit #Kitapenuas #ShopCOVID19 #Kitatelegoleban

Layari www.pl.gov.my

**BANTUAN BAKUL MAKANAN KEPADA PENDUDUK KAMPUNG**

Perbadanan Labuan (PL) turut agihkan bantuan 100 bakul makanan kepada setiap kampung. Permohonan boleh dibuat melalui ketua kampung dan pengurus MPPWP Sub Zon bermuatkan 2 Ogos 2021 di 8.00pm.

TATCARA PERMOHONAN BANTUAN BAKUL MAKANAN BAGI WARGANEGERA YANG TERKESAN DAN MASIH MEMERLUKAN

- PERMOHONAN -> KETUA KAMPUNG**  
Berikan maklumat anda kepada Ketua Kampung masing-masing.
- KETUA KAMPUNG -> PENGURUS MPPWP SUB ZON LABUAN**  
Mengumpulkan maklumat permohonan yang diterima.
- AGIHAN KIT MAKANAN**  
Ketua Kampung dan Pengurus MPPWP Sub Zon Labuan akan mengagihkan bantuan makanan kepada penerima.

PERMOHONAN BAKUL MAKANAN DIJALankan MELALUI:

- PERMOHONAN BAKUL MAKANAN DIJALankan MELALUI:
- PERMOHONAN BAKUL MAKANAN DIJALankan MELALUI:
- PERMOHONAN BAKUL MAKANAN DIJALankan MELALUI:

Layari www.pl.gov.my

proses agihan dan penerimaan.

"Sehubungan itu, permohonan bantuan bakul makanan itu dibuka pada 2 Ogos sehingga 8 Ogos bagi membantu warga Labuan sebelum sektor ekonomi dapat dibuka semula," katanya lagi. **WK**

## KOMUNITI & MPP

Pembaca Wilayahku boleh kongsikan foto-foto dan aktiviti menarik untuk siaran ruangan ini. Hantarkan e-mel foto berserta keterangan mengenai aktiviti atau program tersebut kepada kami di [editorwilayahku@gmail.com](mailto:editorwilayahku@gmail.com) dan WhatsApp 011 - 5958 7489. Lampirkan juga nama pengirim dan nombor telefon untuk dihubungi.

# Jumlah penduduk Parlimen Batu divaksin, capai sasaran awal

SYAHIDI BAKAR

**SASARAN** sebanyak 80 peratus daripada jumlah populasi penduduk di Parlimen Batu, mendapat sekurang-kurangnya suntikan dos yang pertama menjelang penghujung Julai lalu, berjaya dicapai hasil pelaksanaan program Vaksinasi COVID-19 @ Wilayah Prihatin di pelbagai lokasi.

Pencapaian dicatat kata, Pengerusi Persatuan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Zon Batu, **Gulam Muszaffar** **Gulam Mustaqim** adalah hasil kerjasama pelbagai pihak terutama sekali Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) yang proaktif memastikan setiap Program Vaksinasi COVID-19 @ Wilayah Prihatin berjalan lancar.

Menurutnya, idea memperkenalkan perkhidmatan vaksinasi bergerak mulai Mei lalu, bukan sekadar mudahkan penduduk mendapat suntikan malah membantu mempercepatkan sasaran 80 peratus imuniti berkelompok di Wilayah Persekutuan.

"Bagi parlimen Batu sahaja, sebanyak enam sesi program vaksinasi bergerak telah pun



**GULAM** Muszaffar bertanya sesuatu kepada seorang petugas di Pusat Pemberian Vakain (PPV) Zon Batu.

diadakan secara berkala dengan setiap sesi seramai 1,600 sehingga 1,700 warga berjaya menerima suntikan vaksin dengan keutamaan kepada warga emas.

"Terkini, program vaksinasi selama tiga hari telah diadakan di 3 lokasi iaitu Perumahan Awam (PA) Intan Baiduri, Batu Muda dan Seri Aman dengan setiap satu lokasi diperuntukkan sebanyak 1,800 dos vaksin COVID-19," katanya kepada *Wilayahku*.

Berdasarkan data MPPWP Zon Batu, setakat ini secara keseluruhan seramai 12,000 penduduk di Parlimen Batu telah menerima suntikan vaksin COVID-19 meliputi penerima dos pertama serta kedua terdiri daripada kelompok umur 20 hingga warga emas.

Sementara itu dalam perkembangan berkaitan, Gulam Muszaffar menyambut baik dan memuji usaha dilakukan Menteri



**SEBAHAGIAN** penduduk di Flat Intan Baiduri yang hadir untuk sesi vaksinasi.

Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPR Annuar Musa mengilhamkan idea empat hotel sebagai Pusat Kuarantin & Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah Swasta (PKRCS).

Perkara itu katanya, sangat membantu komuniti di kawasan berkepadatan tinggi daripada terus terdedah kepada risiko jangkitan pandemik itu setiap hari.

"Di Parlimen Batu, kadar jangkitan kes masih lagi

berlaku namun kadar kematian telah menurun. Jadi dengan kebanyakan PPR di sini bersaiz kecil, adalah tidak mungkin individu yang dijangkiti melakukan kuarantin di rumah.

"Jadi dengan adanya Inisiatif bijak dan produktif sebegini, setiap penduduk yang disahkan positif boleh menggunakan fasiliti ini tanpa perlu rasa bimbang menjangkiti orang lain," katanya.

WK

# Yayasan Ragad santuni penduduk di 3 kampung tradisi sekitar Ibu Kota

**SERAMAI** 60 orang penduduk pelbagai bangsa di tiga buah kampung tradisi diraikan oleh Yayasan Ragad dengan sumbangan makanan dan barang keperluan dapur sebagai antara usaha membantu mereka yang memerlukan.

Lokasi pertama agihan di Rumah Panjang Ikan Emas, Jalan Loke Yew itu, menyaksikan seramai 30 warga penduduk telah menerima bungkus makanan sebagai juadah makan malam berbeza berbanding kebiasaan.

Pengarah Program dan Kempen Yayasan Ragad, **Lila Ruzaini Hussain** berkata, sumbangan disalur, tanda keprihatinan Yayasan terhadap penduduk yang mungkin berdepan kesukaran serta cabaran hidup akibat pandemik COVID-19.

Beliau berkata, pendekatan berkongsi makanan bertujuan menzahirkan rasa kebersamaan oleh Pengerusi Yayasan Ragad iaitu Toh Puan Datuk Patinggi Hajah Ragad Kurdi Taib begitu prihatin untuk membantu penduduk di kawasan bandar yang paling terkesan akibat penularan COVID-19.

"Bagi menyahut seruan beliau, kami pengurusan Yayasan tampil berkongskian rezeki yang ingin beliau berikan. Semoga buah



**LILA Ruzaini** (dua dari kanan) ketika hadir ke Rumah Panjang Ikan Emas sebagai simbolik penyerahan bungkus makanan kepada 30 penduduk setempat.

tangan ini mampu meredakan sedikit keresahan penduduk selain memberi isyarat masih ada yang prihatin dengan nasib mereka," katanya selepas serahan kepada wakil Rumah Panjang Ikan Emas.

Sementara itu, di Kampung Pinang, Sungai Besi, delegasi Yayasan Ragad diiring Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Sub Zon 5, Bandar Tun Razak, Farouk Mohd. Noor telah berkunjung ke 15 rumah penduduk untuk menyerah bantuan barang

dapur.

Selain itu, rombongan sama turut berkunjung ke Kampung Selamat, Bandar Tasek Selatan untuk menyerahkan 15 lagi paket barang dapur kepada penduduk yang memerlukan.

Lila berkata, sumbangan kali ini tertumpu kepada kampung tradisi kerana warga penduduknya yang juga dalam kelompok B40 agak jarang mendapat bantuan seumpama iti berbanding penduduk PPR atau Perumahan



**FAROUK** Mohd Noor (kiri) ketika menyerah bantuan barang keperluan kepada penduduk di Kampung Selamat, Bandar Tasek Selatan bagi pihak Yayasan Ragad.

Awam (PA).

"Insha-Allah, dengan perkenalan terjalin bersama warga penduduk rumah panjang dan kedua-dua kampung asal ini, akan terus dierat di masa akan datang dengan cara memberi barang lain yang dirasakan selari keperluan penduduk,"ujarnya.

Sementara itu, Farouk pula menzahirkan terima kasih atas kesudian Yayasan Ragad menyantuni warga penduduk di bawah seliaan MPPWP Sub

Zon 5, Bandar Tun Razak yang sentiasa terbuka dan mengalukan mana-mana pihak ingin tampil membantu penduduk memerlukan di sini.

"Kerjasama dengan Yayasan Ragad ini pasti akan diteroka lebih luas untuk kami saling melengkap dengan teras utamanya ialah membantu warga memerlukan yang kurang bernasib baik," katanya sambil menyeru pihak berminat menyumbang, hubungnya di talian 018-327 4537 (Farouk). WK

**Soalan**

**A**SSALAMUALAIKUM.  
Mohon penjelasan pihak buktuan berkenaan adab di antara seorang rakyat dengan pemerintah ataupun Raja menurut Islam.

**Jawapan**

Waalaikumussalam wbt.  
Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga baginda, para sahabat dan mereka yang setia mengikuti perjuangan baginda sehingga hari Kiamat.

Secara asasnya, syariat Islam tidak pernah melarang mana-mana individu untuk saling menegur antara satu sama lain demi kebaikan bersama.

Namun begitu, teknik teguran yang disampaikan itu haruslah garis panduan dalam Islam. Firman Allah SWT:

*"Serulah ke jalan  
Tuhanmu (wahai  
Muhammad) dengan hikmat  
kebijaksanaan dan nasihat  
pengajaran yang baik,  
dan berbahaslah dengan mereka  
(yang engku serukan itu)  
dengan cara yang lebih baik;  
sesungguhnya Tuhanmu Dia lah  
jua yang lebih mengetahui akan  
orang yang sesat dari jalanNya,  
dan Dia lah jua yang lebih  
mengetahui akan orang-orang  
yang mendapat hidayah petunjuk."*

**Surah al-Nahl (125)**

Selain itu, terdapat hadis yang diriwayatkan oleh Abu Sai'd al-Khudri yang menyuruh manusia untuk mencegah kemungkaran, sabda Rasulullah SAW:

*"Sesiapa di antara kalian yang melihat kemungkaran, maka dia perlu mencegahnya dengan tangan. Jika dia tidak mampu, maka dia perlu lakukan dengan lidahnya. Jika dia tidak mampu, maka dia perlu lakukan dengan hatinya. Ini lah selemah-lemah iman"*

**Riwayat Muslim (49)**

Islam mendidik manusia agar berada dalam menyampaikan

# Taat kepada ketua negara



KETAAATAN kepada pemerintah adalah suatu tuntutan syarak dan tanggungjawab kita sebagai seorang rakyat.

nasihat mengikut status sosial seseorang supaya nasihat yang baik sampai kepada penerima dengan cara yang berkesan.

Bahkan, Rasulullah SAW sendiri memperkenan akhlak yang mulia sebagai ketua negara di Madinah apabila menggunakan panggilan hormat kepada ketua negara lain dalam risalah dakwah yang dikirim kepada mereka.

Oleh itu, tidak wajar bagi kita untuk menggunakan perkataan yang rendah nilai serta adabnya kepada orang lain lebih-lebih lagi kepada ketua negara.

Kedudukan Raja dalam Perlembagaan dan Agama

Bagi situasi di Malaysia, Perlembagaan Persekutuan telah meletakkan kesetiaan kepada institusi beraja di Malaysia sebagai asas yang paling utama.

Ini bermaksud menjadi kewajipan ke atas setiap rakyat di negara ini untuk menghormati institusi beraja walau berbeza pandangan sekalipun.

Sejarah dengan itu, akta-akta seperti Seksyen 124 Kanun Keseksaan, Akta Hasutan 1948 serta Akta Komunikasi dan Multimedia ditubuhkan demi memelihara ketenteraman sosial.

Di samping itu, sarjana Islam silam juga telah membincangkan perihal pemerintah di sesebuah negara atau kawasan.

Misalnya dalam kitab *al-Ahkam al-Sultaniyyah*, *al-Qadhi Abu Ya'la* telah menggariskan bahawa kewujudan pemimpin adalah wajib secara kifayah kerana jika tiada kepimpinan, nescaya tidak akan terlalih perdebatan dan pertikaian terhadap sesuatu keputusan.

Dalam konteks sistem Raja Berperlembagaan di Malaysia, pentadbiran negara dibahagikan kepada tiga komponen yang bernaung di bawah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong selaku Ketua Negara.

Kesetiaan kepada baginda Tuanku memberi impak yang besar kepada pentadbiran seluruh negara itu sendiri.

Justeru, tidak dinafikan bahwa Seri Paduka Baginda YDPA memegang kedudukan yang tinggi juga di sisi agama.

Syariat Islam menyuruh untuk mentaati pemerintah pada setiap perkara yang makruf. Selagi mana ia menyuruh kepada kebaikan dan kemaslahatan rakyat secara umum, maka ia

hendaklah didengar dan ditaati.

Oleh itu, memberikan taat setia kepada pemerintah dalam setiap perkara makruf merupakan kewajipan dan tanggungjawab sebagai seorang rakyat. Rasulullah SAW bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Umar RA:

*"Wajib bagi setiap Muslim patuh dan taat (kepada pemimpin) pada apa yang dia suka dan dia benci, selagi mana dia tidak diperintah melakukan maksiat. Justeru apabila dia diperintah melakukan maksiat, maka tiada lagi kewajipan untuk patuh dan taat."*

Riwayat al-Bukhari (7144)

## ADAB MENEGUR PEMIMPIN

Setiap pemimpin adalah manusia biasa yang tidak maksum dan tidak terlepas daripada melakukan kesilapan dan sewajarnya ditegur atas kesilapan tersebut.

Walaupun demikian, sebagai seorang Muslim, kita hendaklah memberi teguran mahupun nasihat dengan pendekatan yang penuh hikmah sesuai dengan peringkat dan darjah seseorang individu tersebut agar tujuan nasihat dan teguran tersebut dapat difahami dan diterima dengan baik.

Di samping itu, teguran tersebut mestilah bukannya bermotifkan untuk membuka keibaikan, terutamanya apabila teguran tersebut ditujukan kepada pemimpin dan mereka yang wajar dihormati dan ditaati.

Penggunaan kata-kata kesat dan tidak hormat dalam memberi teguran kepada orang lain adalah sangat tidak beradab dan perlu dielakkan.

Hayatilah adab dalam menegur dan berdakwah yang diajarkan oleh Allah SWT kepada Nabi Musa AS dan Nabi Harun AS ketika mereka diutuskan kepada Firaun. Firman Allah SWT:

*"Kemudian hendaklah kamu*

*berkata kepadanya, dengan kata-kata yang lemah-lembut, semoga ia beringat atau takut."*

**Surah Taha (44)**

Justeru dapat kita ambil ictikbar dari ayat ini, bahawa dakwah yang terbaik kepada seorang pemimpin adalah dengan cara terhormat dan penuh adab dan kesopanan walaupun pemimpin tersebut adalah seorang yang zalim dan sombang.

**KESIMPULAN**

Ketaatan kepada pemerintah adalah suatu tuntutan syarak dan tanggungjawab kita sebagai seorang rakyat.

Terdapat banyak nas syarak seperti hadis-hadis yang menekankan kewajipan mentaati pemerintah termasuklah hadis yang menyebut bahawa sultan atau pemerintah adalah bayangan Allah SWT.

Walaupun hadis tersebut statusnya *dhaif*, namun ramai para ulama yang menerimanya dalam bab *targhib* dan *tarhib*, iaitu sebagai galakan melakukan kebaikan dan ancaman daripada melakukan keburukan.

Oleh itu, sekiranya terdapat teguran dan nasihat yang ingin ditujukan kepada pemimpin, perlulah dilakukan berdasarkan ilmu dan adab selari dengan sifat mahmudah yang ditunjukkan oleh Rasulullah dalam berdakwah.

Teguran yang penuh hikmah dengan kata-kata yang baik akan lebih mudah diterima dan difahami.

Jauhilah kata-kata yang kesat dan buruk yang boleh menyakiti dan menghinai orang lain, lebih-lebih lagi institusi beraja yang mempunyai keistimewaan dan kedudukan tinggi di sisi agama dan juga Perlembagaan Persekutuan di negara kita. Jadikan kemudahan media sosial satu medan dakwah dengan penuh hikmah dan saling hormat antara satu sama lain.

Wallahu'lam.

# 82 peratus kakitangan TNB sudah lengkapi dos suntikan vaksin

TENAGA Nasional Bhd (TNB) mengumumkan bahawa 82 peratus daripada sejumlah 35,000 kakitangan di Semenanjung Malaysia dan Sabah telah melengkapai dos suntikan vaksin dalam usaha bersepadu syarikat gergasi utiliti negara itu membantu negara mengekang penularan pandemik COVID-19.

Menurut kenyataan pada Khamis, TNB memaklumkan bahawa pemberian vaksin secara komprehensif untuk kakitangannya merupakan antara keutamaan syarikat memandangkan kebanyakannya daripada

mereka adalah petugas barisan hadapan dalam rantaian bekalan tenaga yang berusaha untuk memastikan kestabilan bekalan elektrik untuk rakyat, semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Operasi TNB diklasifikasi sebagai perkhidmatan perlu ketika negara memerangi wabak COVID-19 bagi memastikan bekalan elektrik yang stabil ke lokasi strategik termasuk hospital, klinik kesihatan, pusat vaksinasi dan penyimpanan vaksin.

Dalam kenyataan itu juga,

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB Datuk Ir Baharin Din berkata menyedari aspirasi negara dalam memerangi wabak COVID-19, TNB telah melaksanakan kempen secara dalaman bagi mengalakkan kakitangannya mendaftar dan mendapatkan suntikan vaksin di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

Pada masa yang sama, katananya, TNB bekerjasama dengan pihak berkuasa Persekutuan dan negeri untuk memastikan petugas barisan hadapannya syaikat

utiliti berkenaan menerima suntikan vaksin secepat mungkin.

"Kita telah mencapai imuniti kelompok dalam kalangan kakitangan syarikat berikutnya kejayaan kempen secara dalaman. Alhamdulillah, petugas secara sukarela mendaftar untuk divaksinasi setelah menyedari dan memahami mengenai pentingnya membendung penularan virus COVID-19 kepada diri mereka sendiri, rakan, keluarga dan pelanggan," katanya.

Dalam perkembangan

lain, Baharin berkata, bagi menyokong Pelan Pemulihan Negara, TNB membuat keputusan untuk membenarkan hanya petugas yang menerima vaksin untuk bekerja di lokasi, dan semua petugas digalakkan untuk bekerja dari rumah sekerap mungkin.

"TNB serius berusaha memastikan kakitangannya melengkapai dos vaksin masing-masing dan akan membantu negara dalam mempergiatkan kembali perniagaan dan memacu ekonomi," tambahnya. - BERNAMA

# Warga Putrajaya terus dibantu

**P**ELBAGAI pihak terus berkerjasama membantu warga Putrajaya yang terkesan akibat penularan pandemik COVID-19 dibantu dengan sejawarnya.

Ahli Perbadanan Putrajaya, **Datuk Tun Faisal Ismail Aziz** berkata, sejumlah 100 paket sumbangan barang keperluan dapur diagihkan kepada penduduk memerlukan khususnya B40, termasuk asnaf, orang kelainan upaya (OKU) dan ibu tunggal yang kini berdepan cabaran hidup.

Beliau berkata, paket sumbangan berupa beras, minyak masak, gula, tepung, sardin, bisikut dan lain-lain produk makanan setiap satu bernilai RM100 diberikan kepada penduduk terpilih yang memerlukan sebagai usaha membantu mereka meringankan beban belanja.

"Program Kongsi Rezeki ini dilaksanakan berkala seminggu setiap kali, dengan setiap kali program ini diadakan, seramai 100 penduduk akan mendapat bantuan barang keperluan.

"Usaha dijayakan hasil kes-

pakatan berbagai pihak menjadi bukti kerjasama serta toleransi yang boleh digembangkan demi membantu rakyat memerlukan dalam situasi COVID-19.

"Inisiatif ini sebagai manifestasi menunjukkan kesaling hubungan sesama parti dalam PN boleh diterjemahkan untuk membantu rakyat dan kami berharap menjadi contoh kepada bahagian atau kawasan lain memperkuuh membantu warga," katanya selepas serahan program Kongsi Rezeki di Blok D, Perumahan Fasa 4A, Presint 11.

Turut hadir, Ketua Bahagian Bersatu Putrajaya, Mohd Fathul Azam Hashim; YDP PAS Kawasan, Haji Ahmad Roshidi Wahab dan Ketua Pemuda Negara Wilayah Persekutuan, Adi Akmal Isa.

Dalam program kali ini, seramai 100 penduduk di empat kawasan penempatan di sekitar Putrajaya terpilih menerima sumbangan antaranya Blok C, Pangaspuri Putra Damai dan PPIM Palma, Presint 11 selain Perumahan Fasa 2, Blok B, Presint 9.

Sementara itu, **Mohd Fathul Azam** pula berkata, jalinan ker-



AHLI Perbadanan Putrajaya, Datuk Tun Faisal Ismail Aziz menyerahkan sumbangan kepada warga Putrajaya baru-baru ini.

jasama dirintis membuktikan berbeza parti bukan halangan yang besar untuk memberi khidmat kepada rakyat dengan keutamaan adalah berpolitik secara sihat demi manfaat negara.

"Program Kongsi Rezeki ini

program ini masih sama iaitu untuk membantu rakyat yang memerlukan. Jadi, saya tidak melihat perbezaan ideologi parti menjadikan halangan kerana politik sebenar adalah kaedah pentadbiran dan menguruskan keperluan rakyat dan itulah yang kami lakukan di sini," ujarnya.

Sementara itu, Ahmad Roshidi pula menjelaskan aspek penyatuan dan persefahaman perlu diberi keutamaan dalam berpolitik bagi melahirkan satu ketimbulan politik yang kuat dan berjaya.

Katanya, PAS Kawasan Putrajaya optimis dengan kerjasama dan kesepakatan yang dicapai, aspek kebijakan rakyat setempat akan diberi perhatian khusus bagi melestarikan keperluan rakyat.

"Selain menggerakkan program bersama, PAS Kawasan Putrajaya turut sediakan bantuan lain yang diperlukan warga setempat. Mereka yang memerlukan sila hubungi wakil kami, Sekretariat Bantuan PAS Kawasan Putrajaya di nombor talian 011-1503 5400 untuk sebarang maklumat lanjut yang berkaitan," jelasnya. WK

## Tangani segera isu murid lesu PdPR

**SISTEM** Pembelajaran dan Pengajaran di Rumah (PdPR) yang kini diguna pakai oleh sistem persekolahan negara dalam usaha membendung penularan pandemik COVID-19, dilihat secara tidak langsung mencekupkan isu *learning burnout* atau hilang motivasi untuk belajar dan membaca dalam kalangan pelajar, khususnya murid sekolah rendah.

Isu ini dikhuatiri menyumbang kepada peningkatan kadar ketinggalan dalam pembelajaran yang mana berdasarkan kajian Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ke atas kumpulan B40 di kawasan pangaspuri di sekitar ibu negara, didapati enam daripada 10 murid hilang motivasi untuk mengikuti PdPR.

Mengulas perkara itu, pensyarah Pusat Kajian Pendidikan & Kesejahteraan Komuniti, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) **Dr Anuar Ahmad** berkata isu keciciran pembelajaran perlu ditangani segera bagi mengelakkan lebih ramai pelajar tertinggal dalam pelajaran.

Menurut Dr Anuar, berdasarkan statistik Kementerian Pendidikan (KPM) yang dikelarkan pada 11 Okt 2020, kadar keciciran murid sekolah rendah meningkat kepada 0.13 peratus pada tahun berkenaan berbanding 0.12 peratus pada 2019, sementara kadar keciciran pelajar sekolah menengah pula meningkat daripada 1.14 peratus kepada 1.26 peratus bagi tempoh sama.

Bagaimanapun beliau yakin angka itu akan terus meningkat, mengambil kira keadaan pandemik yang semakin serius serta



KAJIAN terbaru mendapati enam daripada 10 murid hilang motivasi untuk mengikuti PdPR.

tidak ada tanda-tanda akan reda dalam masa terdekat.

"Di Malaysia, umum mengetahui ada pelbagai kaedah pembelajaran digunakan, iaitu secara dalam talian, luar talian (*offline*), edaran nota serta TV Pendidikan. Namun dalam situasi negara sekarang, PdPR dalam talian lebih diutamakan."

"Isu yang timbul ialah negara kita sebenarnya masih belum cukup bersedia untuk melaksanakan PdPR dalam talian. Ada dua sebab, iaitu ketidakmampuan dari segi penyediaan peranti yang sesuai dan mencukupi serta capaian Internet kurang memuaskan," katanya.

Menurutnya, KPM sendiri melaporkan masalah peranti mer-

upakan antara isu utama yang dihadapi oleh kira-kira 1.85 juta pelajar pada masa ini.

Selain itu, Dr Anuar berkata pelajar juga dikatakan tertekan dengan situasi pembelajaran semasa.

Kajian Fakulti Pendidikan UKM yang diketuai Prof Madya Dr Azlin Norhaini Mansor bagi 2020 menunjukkan 70 hingga 80 peratus guru melaporkan antara cabaran utama melaksanakan PdPR ialah mendapatkan perhatian/fokus pelajar serta kadar kehadiran tidak mencapai 80 peratus.

Menurut kajian itu, masalah tumpuan pelajar tersebut dikaitkan dengan keadaan persekitaran rumah yang tidak kondusif. WK

## Tiga peratus guru sekolah di Labuan belum divaksin

**SEBILANGAN** kecil guru sekolah di Labuan masih belum menerima vaksin COVID-19, menjelang pembukaan semula sekolah pada 1 Sept.

Pengarah Jabatan Pendidikan Labuan **Yusup Mohamad** berkata guru yang belum menerima vaksin itu kebanyakannya wanita merupakan tiga peratus (40) daripada 1,332 jumlah guru sekolah di Labuan.

"Kami telah menerima maklum balas daripada guru-guru yang belum divaksin ini mengapa mereka belum divaksin. Dua puluh daripada mereka baru melahirkan anak (antara Jun dan Julai) atau sedang hamil, manakala baki 20 lagi menghadapi pelbagai penyakit kronik seperti kanser, jantung, alahan suntikan dan komplikasi paru-paru," katanya.

Beliau berkata taklimat vaksin oleh Pengarah Jabatan Kesihatan Labuan Dr Ismuni Bohari akan diadakan esok (4 Ogos) kepada guru-guru yang masih belum divaksin.

"Kami mahu setiap guru diberi vaksin sebelum sekolah dibuka bulan depan, dan ini adalah inisiatif kami ke arah mencapai 100 peratus imuniti kelompok bagi guru sekolah di Labuan."

"Mereka semua telah di-

maklumkan untuk divaksinasi sepenuhnya sebelum pembukaan semula sekolah.

"Kami faham sesetengah guru mempunyai persepsi tersendiri terhadap suntikan vaksin, mereka berpendapat mereka menghidap

penyakit kronik yang tidak boleh divaksin, kami percaya pelbagai pandangan di platform media sosial memainkan peranan dalam hal ini.

"Kami akan mengadakan perbincangan secara bersemuka dengan guru-guru yang belum divaksin ini di rumah mereka bermula hari ini, kebanyakan mereka berusia lingkungan 40 tahun ke atas berasal dari beberapa negeri di Semenanjung, Sabah dan Labuan," kata Yusup.

Beliau juga berkata langkah vaksinasi itu juga telah diperluaskan kepada mereka yang menyediakan perkhidmatan kepada sekolah seperti pengusaha kantin dan pekerjaan serta kontraktor.

"Kakitangan pentadbiran sekolah (170 orang) seperti kerani dan operasi serta pembantu makmal juga dipastikan menerima suntikan vaksin. Daripada jumlah itu hanya dua orang sahaja yang masih belum mendapat suntikan kerana penangguhan oleh doktor," katanya. WK



YUSUP

# Wakaf melalui potongan gaji - KSN

**I**BADAH wakaf melalui potongan gaji perlu dilihat sebagai antara elemen penting dalam membantu membangunkan ekonomi negara.

Ketua Setiausaha Negara, **Tan Sri Mohd Zuki Ali** berkata, berbeza dengan ibadah zakat yang penerimanya ditentukan kepada lapan golongan asnaf, ibadah wakaf membolehkan semua masyarakat menikmati manfaatnya tanpa mengira pegangan agama.

Katanya, di negara ini, penyediaan peruntukan pembangunan hartaan wakaf di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9) hingga Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11) membabitkan jumlah keseluruhan RM299.33 juta berjaya membangunkan 18 projek berimpak tinggi.

Beliau berkata, bagi merealisasikan wakaf sebagai elemen penting, penjawat awam digalakkkan melaksanakan wakaf secara potongan gaji sama ada melalui Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) atau mana-mana Majlis Agama Islam Negeri (MAIN).

“Dengan sokongan semua, insya-Allah, wakaf mampu menjadi sektor ketiga ekonomi negara yang manfaatnya sekali gus dapat dinikmati semua lapisan masyarakat.

“Sebagai contoh, pelaksanaan Program Wakaf Air bersama pihak Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA), sebanyak enam projek dilaksanakan di enam negeri, memberi manfaat kepada 2,880 penduduk sekitar,” katanya dalam ucptama program Waqf Breakfast

Talk: Penjawat Awam Pemangkin Kemakmuran Wakaf pada Selasa.

Mohd Zuki berkata, masyarakat tidak perlu menunggu sehingga memiliki harta seperti rumah atau tanah untuk berwakaf, sebaliknya ia boleh juga dilaksanakan secara tunai melalui inisiatif Wakaf Tunai Malaysia.

Beliau berkata, ia berikut berwakaf dalam bentuk wang tunai dibolehkan selaras keputusan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia kali ke-77 pada 2007.

“Saya turut difahamkan sehingga 25 Julai lalu, seramai 6,616 penjawat awam berwakaf melalui potongan gaji dan sehingga kini, potongan aktif hanya membabitkan 2,075 penjawat awam,” katanya.



Perdana Menteri ketika melancarkan Bulan Wakaf Kebangsaan -gambar fail

## MATA syor hotel bajet jadi tempat kuarantin

**PERSATUAN** Agensi Pelancongan Malaysia (MATA) mengesyorkan kerajaan supaya menjadikan hotel bajet di seluruh negara sebagai Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) bagi pesakit COVID-19 tahap satu hingga tiga.

Presidennya, **Datuk Mohd Khalid Harun**, berkata cadangan itu berikutan keadaan pusat kuarantin yang dilihat penuh dan sesak akibat peningkatan kes harian terutama di Lembah Klang.

Langkah itu juga, katanya, bertujuan membendung pelanggaran SOP bagi kes kuarantin di rumah, sekali gus mengekang peningkatan kes dan menangani kes kematian sebelum tiba di hospital (BID).

“Jika pesakit COVID-19 tahap satu hingga tiga diarahkan kuarantin di rumah, keputuhan mereka terhadap prosedur operasi standard (SOP) diragui.

“Apa yang membimbangkan,

mereka masih bebas bergerak tanpa pengawasan pihak berkuasa dan ini boleh menyebabkan kes meningkat.

“Setiap hari juga, kita mendapat berita kes BID, yang mana pesakit COVID-19 meninggal dunia di rumah tanpa mendapat bantuan perubatan sewajarnya seperti di pusat PKRC,” katanya dalam kenyataan.

Mohd Khalid berkata, penggunaan hotel bajet sebagai pusat PKRC itu juga dapat membolehkan sektor perhotelan bajet beroperasi kembali dan menjana pendapatan.

“Jika kes harian dapat dibendung dengan baik, ini dapat mempercepatkan pembukaan semula sektor pelancongan dalam negara.

“Saya yakin rakyat Malaysia merindui aktiviti beriadah dan bercuti di tempat peranginan di dalam Malaysia selepas hampir dua tahun tidak dapat berbuat demikian,” katanya.

## Ingkar SOP: RM1.2 juta kompaun dikeluarkan di Labuan

**SEJUMLAH** RM1.2 juta kompaun dikeluarkan pihak pengawas kuasa di Pulau Bebas Cukai ini atas pelbagai kesalahan tidak mematuhi prosedur operasi standard (SOP) sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak Mac 2020 hingga semalam.

Menurut Ketua Polis Daerah Labuan **Superintendent Ahmad Jawila**, daripada jumlah keseluruhan kompaun itu adalah daripada 752 kompaun yang dikeluarkan ke atas individu dan syarikat.

Katanya, kesemua kompaun yang telah dikeluarkan adalah melibatkan pelanggaran SOP iaitu pergerakan tanpa tujuan (riadah tepi pantai), lebih had

penumpang, gagal imbas MySejahtera dan rentas negeri tanpa permit yang sah.

“Di bawah Jawa-tan-kua-sa Pengurusan Bencana Daerah Labuan, kita (piawai kuasa) telah berjaya mengeluarkan sebanyak 752 kompaun yang bernilai sejumlah RM1.2 juta sejak 18 Mac 2020 sehingga semalam.

“Daripada jumlah keseluruhan kompaun itu sebanyak RM346,000 telah pun dibayar oleh mereka yang telah dikenakan kompaun,” katanya kepada pemberita ketika Ops COVID-19 Bersepadu Pesisir Pantai dan

Perairan Labuan, Selasa.

Jelas Ahmad, tindakan tegas akan diambil dan menge luarkan kompaun akan dikenakan kepada individu ataupun syarikat yang melanggar SOP PPN Fasa 1.

Katanya, tindakan tegas yang dilaksanakan itu menunjukkan kesungguhan agensi penguat kuasa di Labuan dalam mengekang penularan COVID-19.

“Kita amat serius dalam menjalankan pelaksanaan pematuhan dan pemantauan SOP untuk melandaikan pandemik COVID-19 di Labuan,” katanya lagi.

## COVID-19: Kes global kini melebihi 200 juta

**KES** COVID-19 di seluruh dunia kini melebihi 200 juta pada Rabu, menurut data Universiti Johns Hopkins.

Sehingga 3.21 petang waktu tempatan, jumlah kes mencecah 200,014,602, dengan 4,252,873 kematian dicatatkan seluruh dunia.

Menurut Xinhua, Amerika Syarikat merekodkan jumlah kes tertinggi dengan 35,292,721 dan 614,666 kematian, menyumbang kepada hampir 18 peratus kes global dan 15 peratus kematian.

India di tangga kedua



LEBIH empat juta kematian dicatatkan di seluruh dunia disebabkan COVID-19.


tertinggi di dunia iaitu 558,432.

Negara dengan jangkitan melebihi empat juta kes termasuk Rusia, Perancis, Britain, Turki, Argentina, Colombia, Sepanyol, Itali dan Iran.

Sementara negara yang melebihi 100,000 kematian pula ialah India, Mexico, Peru, Rusia, Britain, Itali, Colombia, Perancis, Argentina dan Indonesia.

Jumlah kes global mencecah 100 juta pada 26 Januari, telah meningkat dua kali ganda dalam tempoh enam bulan.

dengan 31,769,132 19,985,817 kes serta kes diikuti Brazil jumlah kematian kedua



PENGGUNAAN hotel bajet sebagai pusat PKRC membantu sektor perhotelan bajet kembali beroperasi.

Saingan temasya bukan calang-calang

# Shevon bangga beregu negara bawa pulang gangsa

**T**LET badminton Shevon Lai Jemie, 28, melahirkan rasa bangga di atas pencapaian pasangan beregu negara Aaron Chia-Soh Wooi Yik yang berjaya merangkul pingat gangsa dalam acara beregu lelaki di Sukan Olimpik 2020.

Menurut bekas atlet Wilayah Persekutuan ini, pasangan tersebut dilihat berusaha bersungguh-sungguh sedari awal penampilan demi mengharumkan nama negara di mata dunia.



"Mereka sangat berani biarpun semua tahu saingan di temasya tersebut bukan calang-calang. Saya tumpang bangga di atas keberanian mereka berdua," ujar Shevon kepada Wilayahku.

Shevon yang juga merupakan bekas skuad kebangsaan turut berhasrat melayakkan diri ke Olimpik 2024 tiga tahun lagi.

"Saya akan berusaha sedaya upaya melakukan yang terbaik untuk beraksi di pentas Olimpik. Ini adalah cita-cita saya selama ini. Bagi mencapai hasrat tersebut, saya akan cuba mem-



AINI MAWAWI

pamerkan prestasi terbaik dengan menyertai sebanyak mungkin acara di dalam dan luar negara," ujar Shevon.

Bergelut cari tajaan harumkan negara

Mengakui pelbagai cabaran yang perlu dilalui sepanjang musim COVID-19, pemain profesional ini tetap mengharungi segalanya dengan penuh sabar.

"Tak dinafikan agak sukar untuk berlatih kerana gelanggang latihan tutup sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sedangkan saya perlu bersedia untuk menyertai sekurang-kurangnya tujuh perlawanan yang sudah diatur sehingga hujung tahun ini," ujarnya.

Shevon bersama pasangan beregonya, Goh Soon Huat yang digugurkan daripada skuad kebangsaan sebelum ini berkata, dia terpaksa mencari dana ba-

## Info

### Shevon Lai Jemie

2019	- Sukan SEA Filippina - Perak
2019	- All England
	- Separuh akhir
2018	- Terbuka Singapura - Juara
2017	- Sukan SEA Kuala Lumpur - Perak
2008	- SUKMA - Emas
2010	- SUKMA - Emas



SHEVON LAI JEMIE (belakang) bersama pasangan beregonya, Goh Soon Huat ketika beraksi dalam satu kejohanan.

## Kelonggaran aktiviti sukan, rekreati hanya untuk PPN Fasa Tiga - KBS

**K**ELONGGARAN bagi semua aktiviti sukan dan rekreati secara individu yang tidak melibatkan sentuhan fizikal hanya diberikan kepada kawasan Fasa Tiga Pelan Pemulihran Negara (PPN), jelas Kementerian Belia dan Sukan (KBS).

Justeru menurut KBS hebatan infografik yang mendakwa semua aktiviti sukan individu dibenarkan seperti yang tular di media sosial adalah tidak benar.

Setakat ini, hanya Perlis, Sarawak dan Labuan telah memasuki Fasa Tiga PPN.

"KBS memandang serius tentang penularan infografik palsu dan mengelirukan orang awam ini."

"Sila rujuk infografik tepat yang hanya dikeluarkan KBS atau layari <http://www.kbs.gov.my/sopsukan->

rekreati selain terus ke laman rasmi Majlis Keselamatan Negara [www.mkn.gov.my](http://www.mkn.gov.my)," menurut kenyataan dikeluarkan di Facebook KBS

Terdahulu, tular hebatan infografik di media sosial yang mengelirukan orang ramai berhubung prosedur operasi standard (SOP) am sektor sukan dan rekreati yang hanya dibenarkan bagi Fasa Tiga PPN.

Ia membabitkan aktiviti sukan dan rekreati seperti jogging, senaman, badminton, tenis, golf, permotoran, mendaki, renang, ski jet, taichi, berbasikal, *skateboarding* (papan selaju), ekuestrian, tenpin boling, memanah dan gimnasium dengan mematuhi penjarakan fizikal sekurang-kurangnya dua hingga tiga meter bermula 6 pagi hingga 12 tengah malam. -BERNAMA

## MCA sasar teruskan pembangunan kriket melalui Penjana Kerjaya 2.0

**P**EWSATUAN Kriket Malaysia (MCA) menyerar untuk memastikan kemampuan dalam pembangunan sukan melalui skim Insentif Pengambilan Pekerja Penjana Kerjaya 2.0.

Presidennya **Mohammed Iqbal Ali** berkata 40 calon terpilih akan menjalani latihan amali dan teori selama 90 hari dalam pentadbiran kejurulatihan dan sukan di bawah skim pengambilan pekerja.

"Calon-calon yang dikenali sebagai 'Krikblazers' terdiri dari belia lelaki dan perempuan berusia antara 18-30 tahun yang mewakili semua negeri di negara ini untuk didedahkan dengan modul-modul yang telah disediakan khusus oleh Cyberlynx International."

"Kami gembira dapat memperkasakan fasilitator, jurulatih dan pemain kami melalui program ini yang ditawarkan oleh Cyberlynx International. Melalui kumpulan kemahiran ini, kami yakin akan kemampuan dalam pembangunan kriket," katanya dalam kenyataan hari.

Antara lain, 'Krikblazers' akan dilatih

dalam pentadbiran organisasi sukan, pembangunan perniagaan sukan, asas latihan dan kecerdasan, pemasaran digital dan multimedia, pengurusan kemudahan sukan, akreditasi jurulatih MCA Tahap 0 dan Tahap 1 serta kursus ulang kaji pengadil MCA.

Mohammed Iqbal berkata semasa program itu, peserta akan mengikuti Pegawai Pembangunan Kriket Malaysia, yang akan memberikan bimbingan berhubung kejurulatihan 'Cricket Adiwira' (program peringkat permulaan di sekolah).

Setelah menamatkan latihan, peserta, yang dilengkap dengan semua kemahiran, akan kembali ke negeri masing-masing dan dapat menjadi jurulatih secara bebas dan atau mengaktifkan program Cricket Adiwira.

"Akhirnya mereka akan dapat menguruskan akademi kriket atau kelab kriket mereka sendiri jika mereka mahu," tambahnya.

Semua peserta akan menerima elauan dan diberikan sijil.-BERNAMA





## Muhyiddin kekal jawatan Perdana Menteri

TAN Sri Muhyiddin Yassin menegaskan bahawa beliau masih mempunyai kepercayaan majoriti Ahli Dewan Rakyat sebagai Perdana Menteri.

Beliau berkata perkara berkenaan telah disembah maklum kepada Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah pada majlis menghadap di Istana Negara, Rabu pagi.

"Sehubungan itu, peletakan jawatan saya di bawah Perkara 43 (4) Perlembagaan Persekutuan adalah tidak berbangkit," katanya menerusi Perutusan Khas yang disiarkan secara langsung menerusi stesen televisyen tempatan Rabu.

Perkara 43 (4) Perlembagaan Persekutuan menyatakan jika Perdana Menteri tidak lagi mendapat kepercayaan majoriti Ahli Dewan Rakyat, maka Perdana Menteri hendaklah meletakkan jawatan Jemaah Menteri melainkan jika atas permintaannya Parlimen dibubarkan oleh Yang di-Pertuan Agong.

Muhyiddin berkata beliau juga sedar bahawa kedudukannya sebagai Perdana Menteri sering kali dipersoalkan.

Sehubungan itu, beliau telah menyembah maklum kepada Yang di-Pertuan Agong bahawa beliau akan menentukan keabsahannya sebagai Perdana Menteri di Parlimen.

"Suatu usul undi percaya kepada



PERDANA Menteri Tan Sri Muhyiddin bersama TPM, Menteri-Menteri Kanan dan KSN dalam sidang media khas pada Rabu.

saya akan dibentangkan di Dewan Rakyat ketika Dewan Rakyat bersidang pada bulan September.

"Melalui cara ini, kedudukan saya sebagai Perdana Menteri dan Perikatan Nasional sebagai kerajaan yang memerintah akan dapat ditentukan mengikut lunas undang-undang dan Perlembagaan," katanya.

Perdana Menteri juga bersyukur kerana kesemuanya cadangan yang dikemukakan beliau telah mendapat perkenan Al-Sultan Abdullah.

Muhyiddin berkata jemaah menteri dan jentera pentadbiran kerajaan akan terus berfungsi untuk melaksanakan amanah dan tanggungjawab kepada rakyat dan negara, khususnya dalam menangani pandemik

### COVID-19.

Turut hadir Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, Menteri Kanan Pendidikan Datuk Dr Mohd Radzi Jidin dan Menteri Kanan Kerja Raya Datuk Seri Fadillah Yusof.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah dan Sarawak) Datuk Seri Dr Maximus Ongkili, Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Wee Ka Siong, Menteri Sumber Manusia Datuk Seri M Saravanan, Menteri Alam Sekitar dan Air Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man dan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Mohd Zuki Ali, hadir sama.

## Hubungan PM dengan Agong adalah istimewa

HUBUNGAN Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin dengan Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah disifatkan sebagai 'istimewa.'

Menteri Wilayah Persekutuan

Tan Sri TPr Annuar

Musa berkata demikian ketika merujuk sikap Muhyiddin yang sentiasa memulakan Mesyuarat Jemaah Menteri dengan menyampaikan titah Seri Paduka termasuk teguran sekali gus menyelar tohmahan sesetengah pihak yang mendakwa Perdana Menteri sebagai derhaka.

"Minggu ini sahaja, tiga kali Muhyiddin menghadap Tuanku iaitu waktu berlaku kekeliruan pindaan Ordinan Darurat pada 28 Julai, sebelum mesyuarat Kabinet pada 29 Julai dan hari ini menghadap lagi.

"Orang yang derhaka, Tuanku tidak benarkan masuk Istana Negara. Yang tahu derhaka atau tidak derhaka itu Yang di-Pertuan Agong," katanya ketika menjadi tetamu program Ruang Bicara terbitan Bernama TV Rabu malam yang membincangkan tajuk 'Politik: Apa lagi selepas



ANNUAR

ini?"

Menyentuh perutusan khas Muhyiddin pada Rabu, Annuar berkata Perdana Menteri mengambil langkah yang tepat dan berani bagi menyelesaikan kemelut politik tanah air.

Katanya jika polemik politik itu dibiarkan berpanjangan, ia akan mengganggu tanggungjawab kerajaan yang sedang bertungkus-lumus berjuang dengan cabaran besar iaitu pandemik COVID-19.

Beliau juga menyifatkan pembentangan usul undi percaya kepada Muhyiddin pada sidang Parlimen bulan depan sebagai profesional dan selari dengan Perlembagaan Persekutuan.

Annuar turut menyifatkan Muhyiddin sebagai pemimpin berpengetahuan luas mengenai selok-belok pentadbiran negara dan mempunyai komitmen yang tinggi.

"Beliau berpengetahuan luas, pernah menjadi menteri besar, menteri, timbalan perdana menteri dan kini perdana menteri. Walaupun nampak bersahaja tetapi beliau sangat arif dalam pentadbiran negara," katanya.

## Inisiatif Rumah Prihatin untuk manfaat rakyat - Shiha Zikir

### DEEL ANJER

SELEBRITI popular Shiha Zikir menganggap penubuhan Rumah Prihatin di Hotel Grand Seasons adalah langkah terbaik dalam meredakan tekanan yang sedang dihadapi warga Wilayah Persekutuan.

"Saya rasa bersyukur sangat apabila Kementerian Wilayah Persekutuan kini menjadikan Hotel Grand Seasons sebagai hotel kebajikan di bawah program Rumah Prihatin."

"Pelbagai inisiatif yang terdapat di Rumah Prihatin adalah untuk manfaat rakyat. Saya bangga dengan inisiatif yang diwujudkan oleh kerajaan ini kerana membantu meringankan beban warga Wilayah Persekutuan yang terkesan COVID-19."

"Bukan sahaja bantuan dalam bentuk makanan dan vaksin, tetapi juga Rumah Prihatin mengambil berat tentang kesihatan mental rakyat."

"Di sini kita dapat lihat keseimbangan bantuan yang diberikan, bukan sahaja dalam bentuk fizikal tetapi juga kerohanian,"

jelas Shiha yang melihat Rumah Prihatin mempunyai pelbagai bentuk bantuan.

Enam inisiatif di bawah Rumah Prihatin adalah Klinik Kesihatan Mental Prihatin, Khidmat Vaksinasi Prihatin, Food Bank, Jejak Prihatin, Bilik Penginapan Prihatin dan Dapur Prihatin.

Tambah Shiha, masyarakat seharusnya menggunakan peluang yang ada dengan sebaiknya dan demi kebaikan mereka bersama.

Katanya, bagi yang belum menerima vaksin pula, mereka boleh mendapatkan vaksin di Rumah Prihatin.

"Begini juga mereka yang memerlukan penginapan sementara. Rumah Prihatin menawarkan Bilik Penginapan Prihatin dengan harga serendah RM30 semalam, tidak melebihi tiga hari," luahnya yang turut menasihatkan orang ramai yang mempunyai gangguan emosi untuk mendapatkan rawatan di Rumah Prihatin.

Bagi pelantun lagu AEWO ini, hal-hal berkaitan emosi seperti depresi atau kebimbangan yang melampau (*anxiety*) bukanlah

perkara remeh yang boleh dibiarkan.

"Kalau demam kita jumpa doktor. Kalau ada masalah mental, kena rawat juga. Saya tahu, mungkin ada yang risau jika rahsia mereka terbongkar atau diketahui orang lain."

"Iyalah, daripada anda terfikir untuk melakukan perkara yang bukan-bukan, tololong dapatkan khidmat kaunseling di Rumah Prihatin."

"Jangan risau, segala rahsia anda dijaga oleh kaunselor bertauliah. Dapatkan bantuan di Rumah Prihatin demi kebaikan anda," jelas Shiha lagi.

Baru-baru ini, Kementerian Wilayah Persekutuan memperkenalkan RumahPrihatin@GrandSeasons iaitu pusat kehdaman berkONSEPAN hotel kebajikan bagi membantu rakyat yang terkesan akibat COVID-19 khususnya golongan miskin bandar di Wilayah Persekutuan.



SHIHA ZIKIR